

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab dua merupakan tinjauan literatur yang membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan amalan pengubatan Islam dan kelompangan kajian. Seterusnya, perbincangan berkaitan konsep pengubatan menurut perspektif Islam berasaskan kepada konsep perubatan menurut syariat Islam. Antara topik yang dibincangkan dalam bab ini adalah definisi dan hubungkait di antara pengubatan Islam dan perubatan, konsep perubatan menurut perspektif Islam, prinsip asas dalam pengubatan Islam daripada aspek akidah, syariah dan akhlak. Seterusnya, konsep kesihatan dan penyakit daripada perspektif Islam, jenis-jenis penyakit yang memerlukan rawatan daripada amalan pengubatan Islam, kaedah rawatan menurut al-Quran dan al-Sunnah dan jenis-jenis amalan penyelewengan amalan pengubatan Islam.

Selanjutnya, bab ini juga mengandungi perbincangan berkaitan konsep dakwah yang merangkumi sub topik maksud dakwah, keperluan dakwah, asas-asas dakwah, sasaran dakwah, isi kandungan dakwah kepada orang Islam dan medium dakwah mencegah kemungkaran. Akhir sekali, kerangka konseptual amalan pengubatan Islam dan konsep dakwah mencegah kemungkaran dibina sebagai konseptual kajian ini.

2.2 Kajian-Kajian Berkaitan Bidang Pengubatan Islam

Kajian berkaitan amalan pengubatan Islam di Malaysia menjadi suatu perkara yang tidak asing lagi. Kajian berkaitan pengubatan Islam ini semakin lama semakin berkembang sebagaimana kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh Khadher, A. & Farhan, M. A. (2013) berkaitan analisis perkembangan dan hala tuju pengubatan Islam di Malaysia dan kajian selanjutnya oleh Khadher, A. & Farhan, M. A. (2014) berkaitan analisis terhadap latar belakang pengasas dan isu penggunaan jin dalam rawatan. Kajian ini telah merungkai perbezaan latar belakang pengamal pengubatan Islam daripada pelbagai sudut seperti tahap pendidikan, agama, sumber ilmu pengetahuan dan penglibatan dalam pengubatan. Malah, pengamal pengubatan juga mempunyai perbezaan pendapat berkaitan penggunaan jin dalam rawatan.

Seterusnya, terdapat beberapa kajian berkaitan persepsi masyarakat berkaitan amalan pengubatan Islam untuk melihat kedudukan amalan pengubatan Islam di Malaysia. Antaranya ialah kajian oleh Khadher Ahmad dan beberapa pengkaji lain seperti Fauzi Deraman, Mohd Farhan Md Ariffin, Wan Noor Azila Wan Kamaruzaman (2015), Mohamad Zaim Ismail (2016), Sedek Ariffin, Mustaffa Abdullah, Munirah Abd Razzak, Zulkifli Mohd Yusoff dan Meguellati Achour (2018) yang menunjukkan bahawa bidang pengubatan Islam menjadi rujukan utama masyarakat berkaitan masalah-masalah spiritual.

Selain itu, kajian yang menyentuh tentang peranan dan paradigma pengubatan Islam seperti kajian Khadher Ahmad & Mohd Afifuddin Mohamad (2013) berkaitan peranan perubatan Islam sebagai medium dakwah kepada masyarakat. Seterusnya, kajian oleh Mohd Farhan Md Ariffin dan Khadher Ahmad bersama Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff (2017) dan Muhammad Ikhlas Rosele (2019) tentang peranan

dan paradigma pengobatan Islam selepas melihat amalan pengobatan Islam mampu sebaris dengan bidang perubatan yang lain. Malah, terdapat juga kajian yang menyentuh berkaitan kaedah rawatan iaitu rawatan *ruqyah* Ismail Kamus dan faktor keberkesanannya oleh Farhah Zaidar, R. et al., (2018).

Kajian berkaitan isu-isu yang terdapat dalam pengamalan amalan pengobatan Islam oleh pengamal pula muncul sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Ahmad Najaa' Mokhtar et al., (2018) yang membahaskan kaedah rawatan yang dipraktikkan oleh pengamal pengobatan di 24 pusat rawatan. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat amalan khufarat, tahyul, penggunaan tangkal azimat dan beberapa amalan yang bercanggah dengan akidah dan syariat telah dilakukan oleh pengamal pengobatan Islam.

Kajian berkaitan perbincangan hukum amalan yang bercanggah dengan akidah dan syariah juga dijalankan oleh Ahmad Najaa', M. et al., (2018). Selain itu, kajian mengenai penyalahgunaan ayat al-Quran dan penyelewengan pusat perubatan Islam di Malaysia oleh Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim (2019). Kajian ini membuktikan wujudnya segelintir pengamal pengobatan yang sengaja melakukan amalan penyelewengan akidah dan penyalahgunaan ayat al-Quran dalam kaedah rawatan mereka.

Selepas itu, muncul kajian-kajian berkaitan kesedaran dan kefahaman berkaitan amalan pengobatan Islam untuk melihat sejauhmana masyarakat dan para pelajar berpengetahuan tentang rawatan Islam. Kajian kes di Malaysia dijalankan oleh Norazlinda Mohammad, Norena Abdul Karim Zamri, Siti Nur Fadzilah Abdullah & Raha Radzi (2020) dan Normalina Mohamad Lutpi & Rushdi Ramli (2021) mengkaji kefahaman di kalangan pelajar. Kajian mendapati bahawa terdapat segelintir pengamal

yang tidak berdaftar secara sah sebagai pengamal Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi masih menjalankan khidmat rawatan manakala kefahaman di kalangan pelajar terhadap amalan pengubatan Islam berada di tahap yang tinggi.

Kajian dalam bidang dakwah berkaitan pengubatan Islam telah dijalankan oleh Khadher Ahmad & Afifudin Mohamad (2013) tentang peranan pengubatan Islam sebagai medium dakwah kepada masyarakat. Kajian tersebut berfokuskan kepada penyampaian mesej dakwah kepada masyarakat dan pesakit melalui perkhidmatan pengubatan Islam dengan membetulkan pemahaman akidah, amalan syirik dan amalan yang bercanggah dengan syariat Islam. Selain itu, memberi penjelasan tentang amalan khurafat dan tahyul serta hukumnya, memberi peringatan tentang kesalahan terhadap kebergantungan kepada tangkal, azimat dan beberapa aspek dakwah yang lain.

Kajian-kajian lepas menunjukkan banyak perbincangan yang menumpukan kepada isu seperti persepsi, kaedah amalan pengubatan menurut akidah, syariah, fiqh, hala tuju dan perkembangan bidang pengubatan Islam, kefahaman, dan kesedaran melalui pelbagai metodologi kajian dan skop perbincangan termasuklah kajian daripada aspek dakwah. Namun, skop yang telah dibincangkan dalam kajian lepas hanya melihat pengubatan Islam sebagai medium menyampaikan dakwah kepada masyarakat.

Oleh itu, tinjauan literatur menunjukkan terdapat kelompangan kajian dalam bidang dakwah berkaitan peranan pihak berautoriti dalam mengawal selia pengamal pengubatan Islam khususnya di media sosial. Tambahan lagi, isu penyelewengan yang diamalkan oleh pengamal pengubatan Islam di media sosial dilihat masih banyak ruang kelompangan yang signifikan untuk disumbangkan.

2.3 Konsep Perubatan Menurut Perspektif Islam

Menurut Roshaimizam Suhaimi & Jasni Sulong (2009), perubatan menurut Ibn Sina dalam karyanya *al-Qanun fi' al-ṭibb* merupakan pengetahuan berkaitan dengan kesihatan keadaan tubuh badan dan kemerosotan dalam kesihatan. Karya Ibn Sina tersebut dianggap sebagai karya yang paling berpengaruh dalam sejarah perubatan yang merangkumi lima bahagian utama. Bahagian pertama menjelaskan prinsip-prinsip umum perubatan termasuklah falsafah ilmu perubatan, bahagian-bahagian anggota badan, anatomi, fisiologi, penjagaan kesihatan dan rawatan penyakit. Bahagian kedua memperincikan ubat-ubatan ringkas. Bahagian ketiga menjelaskan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan organ. Bahagian keempat menghuraikan penyakit-penyakit umum serta demam manakala bahagian terakhir menghuraikan tentang formula ubatan kompleks.

Satu aspek pemikiran Ibn Sina tentang perubatan ialah beliau sangat menekankan kepentingan penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit. Perkara ini selari dengan ajaran Islam yang amat menekankan penjagaan kesihatan berbanding merawat sesuatu penyakit. Malahan, sejarah ketamadunan perubatan Islam menunjukkan penjagaan kesihatan merupakan tujuan utama sistem perubatan yang bertepatan dengan anjuran Islam iaitu *al-wiqāyah khairūn min al-'ilaj* (pencegahan lebih utama daripada merawat) (Roshaimizam Suhaimi & Jasni Sulong, 2009).

Konsep utama perubatan menurut Islam adalah penyembuhan penyakit hanya daripada Allah SWT semata-mata (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011). Hal demikian kerana, sesuatu penyakit adalah sebagai ujian yang diturunkan oleh Allah SWT kepada hambanya dan daripada-Nya juga penyakit dapat disembuhkan. Hal ini

bertepatan dengan kisah Nabi Ibrahim yang dijelaskan dalam al-Quran, firman Allah SWT:

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ

Maksudnya: "Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku;

(Al-Qur'an. Al-Shu'arā' 26:80)

Sebagaimana ayat ini ditafsirkan oleh Ibn Kathir (1999), penyakit disini dinisbahkan atau disandarkan kepada Nabi Ibrahim, walaupun pada hakikatnya penyakit itu merupakan takdir dan ketetapan Allah SWT. Tetapi, disandarkan penyakit itu pada diri baginda sebagai adab dan sopan santun terhadap Allah SWT. Sepertimana firman-Nya, sesungguhnya tiada sesiapa pun yang dapat menyembuhkan penyakit dengan pelbagai jenis penawar untuk mendapat kesembuhan melainkan hanya daripada Allah SWT (Ibn Kathir, 1999). Seterusnya, firman Allah SWT:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat);

(Al-Qur'an. Al-Mulk 67:2)

Demikian, konsep ini yang mesti dipegang oleh semua pengamal pengobatan Islam dan pesakit yang berikhtiar mendapatkan kesembuhan tanpa sebarang keraguan.

Hal ini kerana, setiap penyakit yang diturunkan oleh Allah SWT mempunyai penawar atau ubat. Sebagaimana hadith daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً " .

Maksudnya: Allah SWT tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.

(Hadith. Al-Bukhāriy. Kitāb al-ṭibb: Bāb mā anzala Āllāhu dā'an illā anzala lahu syifā': Juz7:#5678)

Selain itu, terdapat enam ayat al-Quran berkaitan dengan konsep penyembuhan penyakit sebagaimana yang dikaji oleh Farhah Zaidar, R. et al, (2018) iaitu surah al-Taubah ayat 14, al-Naḥl ayat 69, al-Isrā' ayat 82, Yunus ayat 57, al-Fusilat ayat 44 dan al- Al-Shu'arā' ayat 80. Daripada ayat al-Quran yang berkaitan, Allah SWT telah menegaskan bahawa setiap penyakit mempunyai elemen penyembuhan. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرْيَدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Maksudnya: "Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua."

(Al-Qur'an. Al-Isrā' 17:82)

Daripada Tafsir Ibn Kathir (1999) ayat ini menafsirkan bahawa Allah SWT yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji berfirman tentang kitab al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, tidak ada suatu pun keraguan dan sebarang kebatilan ke atasnya. Bahkan, al-Quran merupakan penawar atau penyembuh bagi orang-orang beriman iaitu dapat menghilangkan pelbagai jenis penyakit hati. Sebagai contoh, keraguan, kemunafikan, kemusyrikan dan penyimpang daripada

perkara yang benar dan cenderung kepada perkara yang batil. Selain itu, al-Quran adalah sebagai rahmat yang membawa kepada keimanan, *hikmah* dan kebaikan serta menambah kecintaan kepadanya. Hal ini akan diperoleh hanya kepada orang yang beriman kepada al-Quran dan membenarkannya serta mengikuti petunjuknya. Sedangkan, bagi orang kafir dan orang yang zalim, mendengar al-Quran tidak menambah sesuatu kepada mereka melainkan mereka semakin jauh, kafir dan teruk. Hal ini bukan kerana al-Quran tetapi kerana kekafiran mereka.

Oleh yang demikian, setiap penyakit hendaklah diubati dan berusaha bagi mencari penawarnya serta mematuhi perkara yang telah ditetapkan. Sepertimana hadith Rasulullah SAW:

عَنْ أُمِّ الدَّرْدَاءِ، عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ
الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ"

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah SWT menurunkan penyakit dan ubat dan menyediakan bagi setiap penyakit itu ubat. Maka berubatlah, dan janganlah kamu berubat dengan benda yang diharamkan."

(Hadith. Sunan Abu Da'ud. Kitāb al-tibb; Bāb fī al-adwiyah al-makruhah:
Juz'29:#3874)

Oleh yang demikian, ikhtiar untuk mendapatkan kesembuhan daripada sebarang jenis penyakit sangat dituntut oleh Islam. Menurut Abu Bakar dalam Ahmad Najaa', M. et al., (2018), pengubatan yang dilakukan hendaklah menurut syariat. Amalan ini hendaklah selaras dengan kaedah-kaedah seperti penggunaan ayat-ayat al-Quran iaitu *ruqyah*, selawat, doa yang menurut hukum syarak, zikir, mencontohi amalan Rasulullah SAW, *salaf al-soleh* dan ulama muktabar yang difahami maksud dan bahasanya. Demikian pula, meletakkan segala pengharapan untuk mendapat kesembuhan hanya pada Allah SWT.

Menurut Ahmad Najaa', M. et al., (2018), perubatan konvensional mampu menyembuhkan segala jenis penyakit dengan menggunakan pelbagai teknologi canggih dan kepelbagaian teknik perubatan. Perubatan konvensional terbahagi kepada dua bahagian iaitu ubatan dan pembedahan. Ubat merupakan jenis perubatan yang melibatkan diagnostik, pengurusan dan penyakit-penyakit serius yang menjejaskan tubuh badan secara menyeluruh seperti *hematology*, *cardiology*, *hepatology*, *endocrinology*, *gastroenterology* dan sebagainya. Manakala, pembedahan pula merupakan perubatan yang merawat penyakit yang melibatkan luka kecederaan seperti *general surgery*, *trauma surgery* dan lain-lain lagi.

Demikian, perubatan konvensional juga adalah salah satu perubatan yang dikira menepati syarak. Oleh itu, pengamal perubatan dan pesakit hendaklah meletakkan kebergantungan dan pengharapan kepada Allah SWT sebagai Asy-Syāfi iaitu Yang Maha Penyembuh bukan daripada kecanggihan teknologi perubatan konvensional. Justeru, konsep yang sama hendaklah sentiasa dipegang sama ada terhadap perubatan konvensional, perubatan tradisional dan segala jenis perubatan sedia ada.

Demikian pula, menurut Azizah Baharuddin dalam Khadher, A. & Farhan, M. A. (2013), menyatakan bahawa bidang pengubatan Islam terbahagi kepada dua aspek iaitu teori dan praktikal. Teori dalam bidang pengubatan Islam pula terbahagi kepada lima bidang iaitu bidang fisiologi (*'ilm 'umar tarbi'iyah*) iaitu tentang fungsi kesemua organ dalam badan manusia sebagai organisma hidup. Kedua, bidang anatomi (*'ilm al-tasrih*) iaitu tentang struktur badan manusia. Ketiga, bidang patologi (*'ilm ahwal al-badan*) iaitu berkaitan keadaan tubuh badan manusia seperti sihat, sakit, pulih, tua dan lain-lain. Keempat, bidang etiologi (*'ilm al-asbab*) iaitu tentang

asal usul dan sebab sesuatu penyakit. Kelima, bidang simtologi (*'ilm bi al-dalā'il*) iaitu berkaitan tanda-tanda penyakit. Seterusnya, terdapat dua bahagian dalam aspek praktik iaitu *hygiene (hifz al-sihhah)* berkaitan penjagaan kesihatan yang terdiri daripada penjagaan makanan, udara, pergerakan tubuh badan, tidur, emosi dan sebagainya, dan terapeutik (*'ilm al-'ilaj*) iaitu bidang rawatan yang melibatkan terapi penjagaan makanan dan terapi pembedahan.

Oleh yang demikian, menurut perspektif Islam, bidang perubatan merupakan satu bidang yang mempunyai konsep penyembuhan dengan sandaran bahawa Allah SWT adalah yang Maha Penyembuh segala jenis penyakit. Selain itu, bidang perubatan menurut Islam juga merangkumi segala jenis perubatan termasuk perubatan konvensional, perubatan tradisional dan lain-lain perubatan dengan pengaplikasian konsep yang sama dan juga menepati syariat Islam. Selanjutnya, pengubatan Islam juga merangkumi bidang-bidang perubatan sama ada pada sudut teorikal atau praktikal.

2.3.1 Definisi dan Hubungkait di Antara Pengubatan Islam dan Perubatan

Definisi perubatan menurut konsep ilmu perubatan yang dipelopori oleh tokoh-tokoh perubatan Arab-Islam sebagaimana Ibn Sina dalam karyanya *al-Qanun fi al-ṭibb* memberi definisi perubatan sebagai pengetahuan tentang keadaan badan manusia ketika sihat dan juga ketika sakit bagi tujuan memelihara kesihatan dan usaha kearah pemuliharaannya. Roshaimizam Suhaimi & Jasni Sulong (2009) menyatakan bahawa karya Ibn Sina tidak mempunyai perbezaan yang jauh ketara dengan pelopor-pelopor perubatan sebelumnya seperti Fakhruddin al-Razi (865-920 Masihi) dan Ali

Ibnul-Abbas (m.d. 944 Masihi) yang mana kedua-duanya telah mempersembahkan doktrin Hippocrates (460-377 S.M). Seterusnya telah diperkemas oleh Aristotle (384-322 S.M) dan Galen (131-210 Masihi). Walau bagaimanapun, *al-Qanun* dilihat lebih rasional dan sistematik berbanding dengan karya-karya awal perubatan pada ketika itu. Oleh itu, *al-Qanun* telah menggambarkan kebijaksanaan Ibn Sina dalam menyusun dan mengklasifikasikan ilmu perubatan melalui kaedah yang logik.

Selain itu, perubatan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud perihal berubat yang berkaitan dengan ubat atau usaha untuk mengubati. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2011) membahagikan maksud perubatan kepada beberapa pendapat. Pertama, perubatan menurut Ibn Rusyd bermaksud ilmu berkaitan badan manusia daripada sudut kesihatan dan kesakitan. Kedua, perubatan adalah suatu ilmu berkaitan tubuh badan manusia terhadap penjagaan kesihatan dan mencegah kemudaratan menurut Jali Nius dan Daud al-Amtaki. Ketiga, Ibn Sina berpendapat bahawa perubatan adalah ilmu hal ehwal badan manusia daripada sudut menjaga kesihatan dan sebaliknya.

Seterusnya, masyarakat pada masa kini memahami perubatan sebagai usaha merawat pelbagai penyakit melalui hospital, klinik, farmasi dan pusat-pusat perubatan termasuk pengubatan Islam (Ahmad Najaa', M. et al., 2018). Azizan Baharuddin dalam Farhan, M. A. et al., (2016) menyatakan bahawa perubatan Islam adalah suatu sistem yang telah dibentuk oleh orang-orang Islam di seluruh dunia dari awal kemunculan Islam sehingga kini. Malah, perubatan Islam dibina menurut dasar ajaran Islam itu sendiri. Osman Bakar dalam Roshaimizam Suhaimi & Jasni Sulong. (2009), menjelaskan perubatan Islam adalah satu ilmu yang dipelopori oleh umat Islam daripada pelbagai bangsa sejak bermula daripada kelahiran masyarakat Islam terawal

sehingga ke hari ini. Hassan Hathout dalam Roshaimizam Suhaimi & Jasni Sulong. (2009) menyatakan dunia perubatan semasa zaman era kegemilangan tamadun Islam bermula antara lewat kurun ketujuh hingga kurun ketujuh belas masihi.

Demikian pula, perubatan Islam didefinisikan sebagai perubatan yang meletakkan paradigma, konsep, nilai dan prosedur yang bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, perubatan Islam bukan suatu konsep yang khusus dan tertentu tetapi merupakan sesuatu yang menyeluruh, sejagat, fleksibel dan berkembang dalam ruang lingkup syariat Islam. Oleh yang demikian, segala cara dan kaedah perubatan yang bersesuaian dan mematuhi kriteria tersebut layak dikenali sebagai perubatan Islam (Kasule, 2005) (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Perubatan Islam adalah perubatan yang tidak terbatas dengan sesuatu masa atau sesuatu tempat dan tidak terbatas kepada mana-mana sistem perubatan tertentu seperti perubatan Rasulullah SAW atau *Tibb al-Nabawi* dan lain-lain perubatan. Malah, kaedah perubatan alopati (*allopathy*), *homeopathy* dan lain-lain adalah termasuk dalam perubatan Islam sekiranya selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah. Perubatan Islam yang digunapakai oleh umat Islam pada masa ini terbahagi dua. Pertama, perubatan Islam moden, yang meliputi kaedah perubatan alopati, homeopati dan lain-lain. Kedua, perubatan spritual Islam yang menumpukan kepada kaedah *ruqyah*, doa, mandian, bekam dan sebagainya (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa perubatan Islam adalah satu istilah yang membawa maksud yang umum dan luas. Perubatan Islam adalah melibatkan semua jenis perubatan yang terdapat di seluruh dunia termasuk perubatan konvensional, perubatan tradisional dan lain-lain. Malah, tidak ada satu perubatan yang diluar kategori perubatan Islam selagi perubatan tersebut menepati syariat Islam

dan mempunyai matlamat bagi mencari kemaslahatan dan mencegah kemudaran terhadap aspek kesihatan.

Istilah yang sering digunakan bagi merujuk kepada pengubatan Islam pula adalah perubatan alternatif Islam. Menurut Khadher, A. et al., (2013) perubatan alternatif Islam ialah satu sistem rawatan yang dijalankan dengan matlamat menjaga kemaslahatan manusia malah menjadi pelengkap kepada sistem perubatan sedia ada seperti perubatan konvensional. Tetapi, perubatan alternatif Islam menitikberatkan syariat sebagai dasar dalam prosedur rawatan. Istilah ini sangat hampir dengan istilah pengubatan Islam yang digunakan oleh KKM dalam mengiktiraf pengubatan Islam di bawah Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK).

Pengubatan Islam menurut buku Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam adalah suatu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani, oleh seorang perawat Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran atau hadith atau amalan *salaf al-soleh*, ulama muktabar atau kesemuanya sekali serta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011). Rawatan yang disediakan adalah berteraskan syariat Islam, pengamal pengubatan Islam dikenali sebagai 'perawat' atau 'ustaz' (Khadher, A. et al., 2013).

Demikian, pusat pengubatan Islam didefinisikan sebagai sebagai suatu tempat yang menjalankan kegiatan dan perkhidmatan merawat penyakit yang menjadi tumpuan masyarakat di Malaysia bagi tujuan mencari ikhtiar kesembuhan (Khadher, A. et al., 2013).

Sebagai kesimpulan, pengubatan Islam dapat ditakrifkan sebagai amalan pengubatan spiritual Islam yang menggunakan ayat-ayat al-Quran, doa-doa yang

diajar oleh Nabi SAW dan kaedah yang mengikut landasan akidah dan syariat Islam. Selain itu, pengubatan Islam juga dimaksudkan dengan perubatan alternatif yang menjadi keperluan masyarakat dalam ikhtiar menyembuhkan penyakit terutamanya penyakit spiritual seperti sihir, saka dan penyakit-penyakit yang lain selain mendapatkan rawatan daripada sistem perubatan konvensional dan tradisional.

2.3.2 Prinsip Asas Dalam Pengubatan Islam

Amalan pengubatan Islam patuh syariah adalah memenuhi ketiga-tiga prinsip penting dalam ajaran Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Maka, segala amalan pengamal pengubatan Islam dan pesakit dalam usaha rawatan dan penyembuhan sepatutnya mengikut landasan prinsip Islam seperti berikut:

2.3.2.1 Akidah

Akidah merupakan aspek yang pertama yang perlu difahami dengan teliti. Akidah (عَقِيدَةٌ) daripada sudut bahasa Arab adalah berasal daripada perkataan 'aqd (عَقْدٌ) yang bermaksud simpulan (الرَبْطُ), yakin (الْجَزْمُ), ikatan (الإِخْتِامُ) dan saling berpegang (التَّمَسُّكُ). Oleh itu, akidah daripada sudut bahasa bermaksud sesuatu yang diiktikadkan atau diimani di dalam hati seseorang dan suatu hukum yang tidak menerima syak padanya. Daripada sudut agama pula, dimaksudkan dengan apa yang diyakini oleh seseorang dengan suatu iktikad yang *jazam* (keyakinan). Sebagai contoh,

mengimani kewujudan Allah SWT, kebangkitan Rasul, dosa dan pahala dan sebagainya sama ada perkara tersebut benar ataupun batil (Al-Athari, 1422).

Daripada segi istilah pula, akidah bermaksud suatu perakuan di dalam hati, yang membawa keyakinan dan tidak ada suatu keraguan dan syak padanya (Al-Athari, 1422).

Menurut Ahmad Najaa', M. et al., (2018) menyatakan bahawa akidah adalah iman. Iman pula adalah *tasdiq* iaitu membenarkan dengan hati dan pasti, juga selari dengan dalil. Justeru, akidah Islam dibina berlandaskan kepercayaan dan keimanan dengan hati pada rukun Iman yang enam iaitu kepercayaan kepada Allah SWT, kepercayaan kepada Rasul, kepercayaan kepada Malaikat, kepercayaan kepada Kitab, kepercayaan kepada Qada' dan Qadar dan kepercayaan kepada Hari Kiamat. Oleh itu, bagi memastikan seseorang yang beragama Islam itu adalah seorang yang beriman, maka setiap muslim wajib mempercayai kesemua rukun ini. Jika menggugurkan salah satu daripadanya boleh menyebabkan seseorang itu tidak beriman (Jasni Sulong, 2016).

Akidah dalam amalan pengobatan Islam pula, kedua-dua pengamal dan pesakit hendaklah memahami dan sentiasa memelihara akidah Islam. Menurut Jahid Sidek dalam Ahmad Najaa', M. et al., (2018), terdapat tiga perkara berkaitan penyakit dan kesembuhannya menurut Akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Pertama, *sabab* iaitu rawatan dan ubatan. Kedua, *musabbab* iaitu kesembuhan penyakit yang diubati. Ketiga, *musabib al-asbāb* iaitu kehendak, ketentuan dan kekuasaan Allah SWT bagi menyembuhkan penyakit tersebut. Sepertimana, firman Allah SWT:

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya: Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara yang dikehendakiNya).

(Al-Qur'an. Al-Insān 76:30)

Seterusnya, Allah SWT berfirman:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

(Al-Qur'an. Al-Baqarah 2:286)

Oleh yang demikian, segala penyakit yang dihadapi adalah sebagai ujian kepada individu yang mampu menanggungnya. Kesembuhan penyakit pula adalah dengan kuasa dan ketentuan dan kehendak Allah SWT. Justeru, amalan pengubatan Islam hendaklah menggunakan konsep yang sama bahawa segala kaedah rawatan, ubat-ubatan yang menyebabkan kesembuhan sesuatu penyakit adalah semata-mata dengan izin Allah SWT.

Bagi pengamal pengubatan Islam, memahami akidah dan pengaplikasian terhadap akidah Islam adalah sangat penting untuk melaksanakan sebahagian daripada fardu kifayah iaitu urusan pengubatan. Mazni Nawi dalam Ahmad Najaa', et al., (2018), menekankan bahawa pengamal hendaklah mematuhi segala ajaran Islam dan sentiasa menjaga kefarduan supaya dapat menambahkan ketakwaan kepada Allah SWT. Bagi pesakit pula, hendaklah meletakkan keyakinan dan berserah kepada Allah SWT untuk menyembuhkan penyakit setelah berikhtiar dan berusaha mendapatkan rawatan. Sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.

(Al-Qur'an. Yūnus 10:57)

Ismail Kamus dalam Farhah Zaidar, R. et al. (2018), menyatakan bahawa antara keberkesanan rawatan pengubatan Islam *ruqyah* adalah disebabkan pegangan akidah yang kukuh oleh pengamal pengubatan dengan keyakinan bahawa hanya Allah SWT sebagai hakikat sebenar penyembuh segala penyakit. Malah, beliau menyatakan bahawa peranan pengamal pengubatan Islam *ruqyah* hanya merupakan *wasīlah* iaitu perantara dalam bentuk rawatan dengan mendoakan pesakit. Hal demikian, seorang pengamal pengubatan perlu menyakini dan meletakkan kepercayaan terhadap nilai-nilai tauhid berkaitan konsep rawatan *ruqyah*. Antaranya ialah kenyataan bahawa penyakit itu datang daripada Allah SWT dan begitu juga penawar bagi kesembuhannya adalah dengan izin Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ

Maksudnya: "Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku;

(Al-Qur'an. Al-Shu'arā' 26:80)

Manakala, pesakit juga dituntut supaya berusaha dan berikhtiar bagi mendapatkan rawatan atau penawar bagi sesuatu penyakit yang dihidapi. Demikian

kerana setiap penyakit mempunyai penawarnya. Hal demikian termaktub dalam hadith Rasulullah SAW sebagaimana berikut:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ شَرِيكٍ، قَالَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابُهُ كَأْتَمًا عَلَى رُءُوسِهِمُ الطَّيْرُ فَسَلَّمْتُ ثُمَّ قَعَدْتُ فَجَاءَ الْأَعْرَابُ مِنْ هَاهُنَا وَهَاهُنَا فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْتَ دَاوَى فَقَالَ "تَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً غَيْرَ دَاءٍ وَاحِدٍ الْهَرَمُ"

Maksudnya: Daripada Usamah bin Syarik R.A, beliau telah berkata, telah bertanya sekumpulan orang Arab, “Wahai Rasulullah SAW, adakah kami perlu berubat?”, baginda menjawab; “Ya, wahai hamba Allah, berubatlah, sesungguhnya Allah SWT tidak menurunkan penyakit kecuali ia telah menetapkan baginya penawar kecuali satu.” Mereka bertanya; “Apakah yang satu itu?” Baginda menyatakan; “Iaitu tua.”

(Hadith. Sunan Abu Da’ud. Kitāb al-ṭibb: Bāb fī al-rajulī yataḍāwā: Juz’29:#3855)

Demikian pula, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَيَّ اللَّهُ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَفِي كُلِّ خَيْرٍ إِخْرِصٌ عَلَيَّ مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِينِ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا . وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ"

Maksudnya: Dari Abu Hurairah R.A dan sampai kepada Nabi SAW, baginda bersabda: “Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah SWT daripada mukmin yang lemah. Namun, keduanya tetap memiliki kebaikan. Bersemangatlah atas hal-hal yang bermanfaat bagimu. Minta tolonglah pada Allah SWT, jangan engkau lemah. Jika engkau tertimpa suatu musibah, maka janganlah engkau katakan: ‘Seandainya aku lakukan demikian dan demikian.’ Akan tetapi hendaklah kau katakan: ‘Ini sudah jadi takdir Allah SWT. Setiap apa yang telah Dia kehendaki pasti terjadi.’ Kerana perkataan (seandainya) dapat membuka pintu syaitan.”

(Hadith. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Qadr: Bāb fī al-‘amri bil quwa’i wa tarki al-ajḍi wa al-isti‘ānati bil Āllāhi wa tafwiḍi al-maqādiri lillāh Juz’46:#2664)

Oleh yang demikian, setiap umat Islam dituntut agar yakin terhadap qadar Allah SWT iaitu apa yang telah ditentukan oleh Allah SWT ke atas setiap hamba-Nya. Justeru, mendapatkan rawatan dan penawar ketika ditimpa penyakit adalah dituntut sebagai usaha dan ikhtiar terhadap kesembuhan dan meletakkan pengharapan hanya pada Allah SWT. Di samping itu, hal demikian dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT serta menambah keimanan dan ketakwaan yang bertetapan dengan prinsip akidah.

2.3.2.2 Syariah

Menurut al-Asfahani (503H), beliau menyatakan bahawa perkataan al-shari'ah (الشريعة), al-shir'ah (الشريعة) dan al-shar (الشرع) merupakan tiga istilah yang sinonim.

Terhadap dua daripada istilah tersebut yang digunakan dalam al-Quran. Sebagaimana firman Allah SWT:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum ugama; maka turutilah Syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).

(Al-Qur'an. Al-Jāthiyah 45:18)

Seterusnya, Allah SWT berfirman:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ ۖ فَآخُذْهُم بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ ۗ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ ۗ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا ۚ وَلَوْ

شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَأَسْتَبْشِرُوا الْخَيْرَاتِ ۗ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ
جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Maksudnya: Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan ugama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam ugama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.

(Al-Qur'an. Al-Mā'idah 5:48)

Pengertian syariah yang sangat luas daripada pelbagai aspek menurut Ibn Taymīyah (728H), syariah adalah kitab Allah, Sunnah Rasulullah, amal perbuatan, kebijaksanaan politik, hukum-hakam dan penyelenggaraan kekuasaan negara termasuk pentadbiran kewangan negara.

Manakala, istilah al-shar' (الشرع) menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), di sebut sebagai syarak. Istilah ini sering digunakan oleh fuqaha khususnya dalam perbincangan mengenai pengertian sesuatu istilah hukum seperti solat, puasa, jual beli, zakat, nikah dan sebagainya menurut pengertian daripada segi bahasa dan syarak.

Al-Athir (1979), mentakrifkan syariah sebagai apa yang telah disyariatkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya terhadap segala persoalan agama. Selain itu, syariah adalah hukum atau aturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT yang meliputi

seluruh aspek kehidupan manusia termasuklah amalan pengubatan Islam (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Demikian, sepertimana Ismail Kamus dalam Farhah Zaidar, R. et al. (2018), menyatakan bahawa pengamal pengubatan Islam dan pesakit perlu menjaga syariat supaya proses rawatan diberkati dan sentiasa di bawah perlindungan Allah SWT. Antara syariat yang wajib dijaga adalah sentiasa memelihara ibadah yang telah difardukan ke atas setiap umat Islam seperti solat fardu, menjaga batasan aurat, batasan bersentuhan dan lain-lain. Bahkan, beliau menegaskan bahawa seorang pengamal pengubatan Islam perlu memiliki ilmu pengetahuan tentang *fiqh* secara sewajarnya. Hal ini kerana, beliau mengesahkan bahawa nilai-nilai *fiqh* dalam *ruqyah* yang berteraskan teknik daripada sunnah Rasulullah SAW sangat mempengaruhi keberkesanan rawatan. Sebagai contoh, kaedah meniup sejurus selepas *ruqyah*. Selain itu, kaedah dan proses rawatan yang digunakan juga perlu bebas dan bersih daripada perkara yang haram dan melanggar syariat Islam. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عن أبي الدرداء عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Maksudnya: Daripada Abi Darda' R.A, bahawa Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram."

(Hadith. Sunan Abu Da'ud; Kitāb al-ṭibb: Bāb fī al-adwiyāh al-maqrūhāh Jil29:#3874)

Maka, kedua-dua pihak sama ada pengamal pengubatan Islam dan pesakit perlu menitikberatkan penjagaan syariat terutamanya dalam kehidupan seharian sekaligus dalam ikhtiar mengubati penyakit dalam amalan pengubatan Islam.

Sekiranya terhadap amalan yang menyalahi syariat, perkara tersebut boleh mengakibatkan seseorang jatuh kepada syirik dan berdosa besar. Justeru, umat Islam diperintahkan untuk meningkatkan amal ibadah di samping berdoa dan memohon pertolongan daripada Allah SWT serta sentiasa mengamalkan sifat sabar apabila diuji dengan penyakit dan segala bentuk ujian lain. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾ الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلَاقُوا رَبِّهِمْ
وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk [45] (Iaitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya. [46]

(Al-Qur'an. Al-Baqarah 2:45-46)

Dapat disimpulkan bahawa konsep pengubatan Islam daripada aspek syariah adalah suatu jalan syariat yang menyeluruh daripada sudut penjagaannya yang sangat berkait dengan akidah. Selain itu, ia merangkumi pelbagai bentuk dan situasi mengikut segala bentuk ujian yang dihadapi oleh manusia. Dalam amalan pengubatan Islam khususnya, umat Islam perlu teliti dan peka terhadap isu penyelewengan amalan pengubatan Islam yang boleh menembusi dari pelbagai arah dan cara. Menurut Ahmad Najaa³, M. et al., (2018) menyatakan bahawa sihat itu bukan hanya dilihat pada zahir sahaja, malah aspek rohani juga perlu diutamakan.

2.3.2.3 Akhlak

Menurut Mohd Abbas dalam Hassan Mydin (2019), istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab, kata jamak bagi akhlak adalah *khuluk* yang bermaksud budi pekerti, tingkah laku atau tabiat.

Hassan Mydin (2019) menjelaskan tiga pengertian akhlak menurut ahli falsafah Islam. Pertama, Ibn Miskawayh mentakrifkan akhlak sebagai sesuatu keadaan jiwa (*hal al-nafs*) iaitu keadaan yang menyebabkan jiwa bertindak tanpa difikir atau dipertimbangkan secara mendalam.

Kedua, Ibn Sina (1025M) memberi pengertian akhlak adalah getaran yang terjadi dalam jiwa yang berperasaan iaitu suatu yang lahir dari dalam jiwa yang mudah menampakkan sesuatu gerakan.

Ketiga, menurut al-Ghazali (1909), akhlak ialah suatu sikap (*hay'ah*) yang muncul dalam jiwa dan melahirkan pelbagai perbuatan dengan cara yang senang dan mudah tanpa perlu kepada pemikiran dan pertimbangan. Sekiranya sikap itu melahirkan perbuatan yang baik dan terpuji, maka disebut akhlak yang baik. Jika sebaliknya iaitu sikap tercela, maka disebut akhlak yang buruk. Demikian itu, akhlak adalah manifestasi atau cerminan tentang kedudukan jiwa seseorang sama ada jiwa yang bersih dan melahirkan akhlak yang baik atau jiwa yang bermaksiat serta lalai yang melahirkan akhlak buruk.

Justeru, Rasulullah SAW diutus menjadi Rasul sekaligus sebagai suri teladan bagi seluruh umat manusia. Sebagaimana firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)

(Al-Qur'an. Al- Ahzāb 33:21)

Oleh yang demikian, aspek akhlak terhadap amalan penguatan Islam perlu dititikberatkan dan diteliti sebagaimana aspek akidah dan syariah. Menurut Farhah Zaidar, R. et al., (2018) menyatakan bahawa kaedah rawatan oleh Ismail Kamus melalui penghayatan akhlak dapat dilihat daripada sifat penampilan dan pemakaian baju semasa menjalankan rawatan. Pemakaian yang dikenakan mematuhi syariat Islam, malah menghayati prinsip *taṣawwuf* seperti mengenakan pakaian berleher panjang dan menutup kepala. Seterusnya, elemen *taṣawwuf* juga dapat dilihat daripada amalan berzikir secara bersanad. Hal ini kerana, zikir adalah satu kaedah pengamal penguatan Islam bagi mendekati diri dengan Allah SWT. Bahkan, amalan tersebut akhirnya menjadi faktor keberkesanan doa-doa *ruqyah* yang dibaca di samping menjaga adab-adab ketika berdoa.

Mempunyai jiwa yang sentiasa berusaha untuk dibersihkan menerusi konsep penyucian jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) adalah antara cabang ilmu *taṣawwuf*. Maka, konsep ini adalah bagi membina akhlak yang tinggi khususnya kepada pengamal penguatan Islam dalam melaksanakan rawatan yang telah dipelajari. Selanjutnya, penjagaan akhlak dan adab seperti berkata-kata dengan ucapan yang baik iaitu meninggalkan segala ucapan yang negatif dan tidak berfaedah. Berusaha untuk sentiasa meneladani sunnah Rasulullah SAW daripada pelbagai aspek seperti tatacara berpakaian, menjaga adab dalam percakapan, mengambil berat soal halal, haram, syubhan dan lain-lain hukum. Lantaran itu, pengamal penguatan Islam perlu mempunyai keteguhan dan

keyakinan dalam menjalankan rawatan serta kesungguhan dalam memperbaiki dan memperbanyak amalan-amalan soleh dengan menerapkan nilai-nilai *mahmudah* (terpuji) (Farhah Zaidar, R. et al., 2018).

2.3.3 Konsep Sihat dan Sakit Daripada Perspektif Islam

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (1998), mendefinisikan kesihatan sebagai satu keadaan di mana tubuh badan sihat sempurna daripada aspek fizikal, mental dan sosial. Definisi ini membawa maksud kepada gaya hidup sihat yang merangkumi diet pemakanan yang seimbang, aktiviti fizikal yang bersesuaian dan sihat daripada segi emosi serta spiritual.

Manakala, kesihatan dalam Islam dimaksudkan sebagai individu yang selamat dan sejahtera menjalani kehidupan daripada sudut spiritual (*al-ruh*), fizikal (*al-jawāriḥ*), mental (*al-'aql*), keturunan (*al-nasl*), maruah (*al-'irdh*) dan akhlak menurut Islam (Fauzi Yusoh et al., 2018),

Kesihatan merangkumi aspek zahir dan batin yang membawa kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana gaya hidup yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana baginda menekankan kepentingan penjagaan kesihatan supaya terhindar daripada mendapat penyakit. Imam al-Bukhāriy meriwayatkan hal ini sepertimana hadith berikut:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نِعْمَتَانِ مَعْبُودٌ فِيهِمَا
كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

Maksudnya: Daripada Ibnu Abbas R.A dia berkata; Nabi SAW bersabda: “Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang.”

(Hadith. Al-Bukhāriy. Kitāb al-Riqāq: Bāb mā jā’a fī al-riqāq wa ‘an lā ‘a[‘]sy illa ‘a[‘]sy al-ākhirah: Juz’8:#6412)

Penyakit yang dihadapi oleh manusia meliputi penyakit fizikal dan spiritual. Penyakit fizikal merupakan penyakit yang berkaitan dengan anggota fizikal seseorang. Penyakit tersebut boleh dilihat secara zahir pada badan fizikal serta boleh dirasai sakit pada tubuh badan seseorang. Sebagai contoh, batuk, demam, penyakit kulit, selesema, lumpuh anggota badan, barah dan sebagainya (Muhammad Masruri, et al., 2021).

Manakala, penyakit spiritual pula merupakan sejenis penyakit yang berkaitan dengan aspek rohani atau jiwa seseorang. Penyakit ini tidak dapat dilihat pada fizikal seseorang. Menurut Haron Din dan Abdul Basir dalam Muhammad Masruri, et al., (2021), antara contoh penyakit spiritual adalah sikap atau was-was terhadap kewujudan Allah SWT, keraguan kepada ajaran Islam, kedukacitaan, kerisuan melampau, keresahan, kebencian kepada ulama, kecenderungan untuk melakukan maksiat, takbur, *riya*’, sombong, hasad dengki, gangguan makhluk halus pada badan manusia, histeria, sihir, gangguan yang berlaku pada rumah kediaman, premis, sekolah, institusi, pejabat, jalan raya, kenderaan dan lain-lain.

2.3.4 Jenis-Jenis Penyakit yang Memerlukan Rawatan Pengubatan Islam

Menurut Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (2011), pengubatan Islam bermaksud satu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani, oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran atau hadith, atau amalan *salaf al-soleh*, dan *ulama' muktabar* atau kesemuanya sekali serta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak.

Oleh itu, pengamal pengubatan Islam memainkan peranan penting terhadap masalah gangguan makhluk halus iaitu suatu bentuk gangguan terhadap pesakit daripada segi perasaan, kesihatan dan tingkah laku yang tidak dapat diketahui punca penyakit tersebut melalui kaedah perubatan konvensional. Sebagai contohnya, saka, histeria, sampuk (gangguan makhluk halus), penyakit '*ain*' (pandangan mata) dan sebagainya.

Selain itu, penyakit yang berpunca daripada sihir atau santau juga menjadi perhatian pengamal pengubatan Islam. Hal ini kerana, sihir atau santau (ilmu hitam) adalah suatu ilmu yang menghasilkan kesan luar biasa yang tidak dapat dijelaskan puncanya secara logik. Kesakitan yang ditanggung oleh pesakit adalah melalui penglibatan jin, syaitan dan iblis dengan menggunakan kaedah atau peralatan tertentu. Demikian pula, pelbagai jenis penyakit rohani mahupun jasmani juga ditawarkan bagi mendapatkan rawatan oleh pengamal pengubatan Islam seperti rawatan bekam, urutan, *ruqyah* dan lain-lain.

Menurut pusat pengubatan Islam Darussyifa' (2017), antara jenis penyakit yang sering menjadi rujukan masyarakat kepada Darussyifa' dalam usaha untuk mencari kesembuhan adalah seperti berikut:

1. Angin Ahmar	2. Asma dan lelah	3. Badi Mayat dan Badi Haiwan	4. Barah (seperti barah payu dara, hati, usus dan seumpamanya)
5. Batu Karang	6. Benda Tajam dalam Badan	7. Pelbagai jenis bisa	8. Buah Pinggang
9. Buasir	10. Darah Rendah	11. Darah Tinggi	12. Demam Campak
13. Demam Panas (juga denggi, hepatitis dan lain-lain)	14. Gangguan Emosi	15. Gangguan Tidur	16. Gastrik
17. Gaut	18. Sakit Gigi	19. Gila Merian	20. Jantung
21. Kayap	22. Kehilangan (kehilangan barang atau anak)	23. Kenan dan Kecacatan Bayi	24. Kencing Malam
25. Kencing Manis	26. Keselamatan Diri dan Harta Benda	27. Ketumbuhan	28. Kolestrol tinggi
29. Koma	30. Lekat Tulang	31. Lemah Semangat	32. Lumpuh
33. Magrin	34. Mandul	35. Sakit Mata	36. Memasuki Rumah Baru atau Pejabat Baru
37. Memulihkan Pesakit Akibat Kesalahan Sendiri	38. Menghentikan Tabiat Buruk	39. Mudah Lupa	40. Mudah Marah
41. Murah Rezeki (mengatasi hutang)	42. Nyanyuk	43. Panas Baran	44. Pelembut Hati
45. Pemisah (seperti memisah tabiat kanak-kanak hisap bantal busuk)	46. Pemutus Susu (untuk bayi dua tahun keatas daripada menyusu ibunya)	47. Penahan (Penyakit pundi kencing, darah sentiasa mengalir dan seumpamanya)	48. Pendekat Jodoh
49. Penerang Hati	50. Penyakit yang Sukar diubati	51. Penyelera Makan	52. Resdung
53. Sakit dalam Dada (seperti sesak nafas)	54. Sakit Kepala	55. Sakit Lutut dan Bengkak Sendi	56. Sakit Perut
57. Sakit Rindu	58. Santau	59. Sawan (pelbagai jenis sawan)	60. Segala jenis Gangguan Spiritual (termasuk sihir)
61. Selesema yang berterusan	62. Selusuh (mudah melahirkan anak)	63. Sukar Bersalin (seperti bayi songsang dalam rahim)	64. Sukar Tidur Malam

Jadual 2.3.4: Jenis-Jenis Penyakit yang Memerlukan Pengubatan Islam

2.3.5 Kaedah Rawatan Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah

Kaedah rawatan yang berasaskan sumber al-Quran dan al-Sunnah dikenali sebagai *ruqyah*. *Ruqyah* menurut Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (2011) ialah doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan Hadith yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan, kesejahteraan dan kebaikan.

Menurut Ismail Kamus dalam Farhah Zaidar, R. et al. (2018), *ruqyah* adalah bacaan tertentu yang dapat memberi kesan penyembuhan terhadap pesakit. Bacaan *ruqyah* terdiri daripada ayat-ayat al-Quran atau doa-doa yang bersumberkan sunnah Rasulullah SAW. *Ruqyah* berperanan sebagai kaedah asas dalam amalan pengubatan Islam. Hal demikian kerana, *ruqyah* adalah kaedah yang jelas diamalkan dalam sirah Rasulullah SAW bagi tujuan merawat.

Rawatan berasaskan *ruqyah* bermula pada zaman Rasulullah SAW, para sahabat dan *tabi'in*. Pada tahap ini, rawatan *ruqyah* berasaskan ayat-ayat al-Quran sejajar dengan penurunan wahyu kepada Nabi SAW selama 23 tahun sehingga berakhir kurun kedua (Khadher, A. & Farhan, M. A., 2013). Sebagaimana Allah SWT menegaskan bahawa penurunan al-Quran membawa sesuatu penawar yang mampu menyembuhkan penyakit. Allah SWT berfirman:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرْفَعُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Maksudnya: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

(Al-Qur'an. Al-Isrā' 17:82)

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2018) yang menyimpulkan pandangan Imam Al-Syaukani menyatakan bahawa terhadap dua pendapat para ulama berkaitan makna *al-syifa'* atau penawar daripada ayat al-Quran di atas. Pendapat pertama, ulama memberi maksud penawar kepada hati dengan menghilangkan kebodohan, keraguan dan membuka tabir yang akan membawa kepada Allah SWT. Pendapat kedua, ulama memberi maksud menjadi penawar bagi penyakit-penyakit yang zahir dengan ayat *ruqyah*, ayat perlindungan dan sebagainya. Kedua-dua pendapat adalah diterima sebagai maksud *al-syifa'*.

Seterusnya, terdapat empat ciri-ciri pengubatan Islam yang telah dibincangkan oleh Khadher, A. et al., (2014). Pertama, rawatan yang menggunakan bacaan jenis *ruqyah* yang bersumberkan al-Quran, al-Sunnah dan doa-doa yang baik. Kedua, menggunakan teknik dan kaedah rawatan mengikut sunnah Rasulullah SAW atau tidak bercanggah dengan syariat serta tidak menimbulkan sebarang keraguan. Ketiga, rawatan yang menggunakan bahan-bahan yang bersih dan suci iaitu bukan daripada bahan yang haram atau najis. Keempat, menitikberatkan syariat Islam dalam setiap aspek rawatan dan mengamalkan konsep bantu membantu sesama manusia dan sebagainya.

Demikian pula, Rasulullah SAW memberi perakuan terhadap sahabat yang menggunakan ayat al-Quran sebagai *ruqyah* untuk menyembuhkan kesakitan. Kisah tersebut telah direkodkan sebagaimana hadith berikut:

عَنْ أَبِي الْمُتَوَكِّلِ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ نَاسًا، مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانُوا فِي سَفَرٍ فَمَرُّوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضَافُوهُمْ فَلَمْ يُضَيِّفُوهُمْ. فَقَالُوا هَلْ فِيكُمْ رَاقٍ فَإِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ لَدَيْغٍ أَوْ مُصَابٍ. فَقَالَ رَجُلٌ مِنْهُمْ نَعَمْ فَأَتَاهُ فَرَقَاهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَبَرَأَ الرَّجُلُ فَأَعْطِي قَطِيعًا مِنْ غَنَمِ فَأَبَى أَنْ يَقْبَلَهَا. وَقَالَ حَتَّى أَذْكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ. فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَاللَّهِ مَا رَقَيْتُ إِلَّا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ. فَتَبَسَّمَ وَقَالَ "وَمَا أَذْرَاكَ أَنَّهَا رُقِيَّةٌ". ثُمَّ قَالَ "خُذُوا مِنْهُمْ وَاصْرِبُوا لِي بِسَهْمٍ مَعَكُمْ"

Maksudnya: “Sesungguhnya beberapa orang daripada kalangan sahabat Rasulullah SAW sedang berada dalam perjalanan. Mereka pergi ke salah sebuah kampung Arab dan mereka berharap agar boleh menjadi tetamu kepada penduduk kampung tersebut. Namun ternyata penduduk kampung itu tidak mahu menerima mereka. Tetapi ada yang bertanya: “Adakah ada antara kamu yang boleh menjampi? Ini kerana penghulu kampung kami terkena sengat.” Salah seorang dari para sahabat menjawab: “Ya, ada.” Lalu beliau menemui ketua kampung tersebut dan menjampinya dengan surah al-Fatihah. Kemudian ketua kampung tersebut sembuh, maka sahabat tersebut diberi beberapa ekor kambing. Beliau tidak mahu menerimanya dan mengajukan syarat: “Aku akan menyampaikannya kepada Nabi SAW,” beliau pun pulang menemui Nabi SAW dan menyatakan pengalaman tersebut. Beliau berkata: “Ya Rasulullah! Demi Allah, aku hanya menjampi dengan surah al-Fatihah.” “Bagaimana engkau tahu bahawa al-Fatihah itu memang merupakan jampi?” Kemudian Baginda bersabda lagi: “Ambillah pemberian daripada mereka dan pastikan aku mendapatkan bahagian bersama kamu.”

(Hadith. Şaḥiḥ al-Muslim: Kitāb aṣ-Ṣalām: Bāb jawāzi akhzi al-ujraṭi ‘ala al-ruqyaṭi bil qur’ān wa al-azkār Juz’39:#2201)

Demikian, Rasulullah SAW telah memberi perakuan terhadap tindakan Abi Sa’id al-Khudri yang merawat seorang ketua kabilah yang terkena sengatan binatang berbisa dengan menggunakan *ruqyah* bacaan daripada surah al-Fatihah. Hal demikian menunjukkan bahawa surah al-Fatihah adalah *ruqyah* bagi menyembuhkan penyakit.

Seterusnya, Rasulullah SAW sering mengamalkan *ruqyah* terhadap dirinya sama ada baginda yang membacanya atau meminta isteri baginda membacakan untuk dirinya. Amalan membaca *al-Mu’awwidhat* dan menghembuskan pada tempat yang

sakit adalah amalan Rasulullah SAW ketika ditimpa kesakitan. Saidatina ‘Aisyah juga pernah membacakan *al-Mu’auwidhat* bagi merawat Nabi SAW. Hal ini sebagaimana hadith berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا. أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْفُثُ عَلَى نَفْسِهِ فِي الْمَرَضِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ بِالْمُعَوِّذَاتِ، فَلَمَّا ثَقُلَ كُنْتُ أَنْفُثُ عَلَيْهِ يَهْنُ، وَأَمْسَحُ بِيَدِ نَفْسِهِ لِبَرَكَتِهَا. فَسَأَلْتُ الرَّهْرِيَّ كَيْفَ يَنْفُثُ قَالَ كَانَ يَنْفُثُ عَلَى يَدَيْهِ، ثُمَّ يَمْسَحُ بِهِمَا وَجْهَهُ.

Maksudnya: Diriwayatkan oleh ‘Aisyah R.A: Semasa Nabi SAW sakit, baginda biasa membaca *Mu’auwidhat* (Surat An-Nas dan Surat Al-Falaq) dan kemudian meniupkan nafasnya ke atas badannya. Apabila penyakitnya bertambah parah, aku selalu membaca dua surah itu dan meniupkan nafasku ke atasnya dan menyuruhnya mengusap tubuhnya dengan tangannya sendiri untuk mendapatkan berkahnya.” (Ma’mar bertanya kepada Az-Zuhri: Bagaimana Rasulullah SAW). digunakan untuk meniup? Az-Zuhri berkata: Dia pernah meniup tangannya dan kemudian menyapunya ke mukanya).

(Hadith. Şaḥīḥ Al-Bukhāriyy: Kitāb al-ṭibb: Bāb al-ruqīy bil-qur’ān wa al-mu’awidhāt Juz’76:#5737)

Daripada hadith tersebut, menunjukkan bahawa amalan membaca dua surah iaitu Surah An-Nas dan Surah Al-Falaq ketika sedang sakit dan meniupnya ke tempat yang sakit adalah sunnah Rasulullah SAW. Oleh itu, amalan sedemikian perlu dicontohi sebagai sunnah dan ikhtiar bagi mendapatkan kesembuhan daripada Allah SWT. Selain itu, Nabi SAW juga mengajarkan bacaan *ruqyah* bagi tujuan merawat sesuatu penyakit. Nabi SAW mengajar beberapa ayat *ruqyah* kepada sahabat seperti yang telah diajar oleh malaikat Jibril semasa merawat Nabi SAW ketika sakit. Sebagaimana hadith berikut:

عَلَى أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ فَقَالَ ثَابِتٌ يَا أَبَا حَمَزَةَ اشْتَكَيْتُ. فَقَالَ أَنَسٌ أَلَا أَرَقِيكَ بِرُقِيَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَلَى. قَالَ "اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ مُذْهِبَ الْبَاسِ اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شَافِيَ إِلَّا أَنْتَ، شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا".

Maksudnya: Diriwayatkan oleh ‘Abdul ‘Aziz R.A: Thabit dan aku pergi menemui Anas bin Malik. Thabit berkata, “Wahai Abu Hamza! Saya sakit.” Ketika itu Anas berkata, “Mahukah aku memperlakukanmu dengan *Ruqyah* Rasulullah SAW?” Thabit berkata, “Ya,” Anas membaca, "Ya Allah! Tuhan manusia, Yang Menghilangkan kesusahan! (Tolong) sembuhkan (Sembuhkan) (pesakit ini), kerana Engkaulah Yang Maha Menyembuhkan. Tiada yang mendatangkan kesembuhan melainkan Engkau; kesembuhan yang tidak akan meninggalkan penyakit.”

(Hadith. Ṣaḥīḥ Al-Bukhāriyy: Kitāb al-tibb: Bāb ruqiyati annabiyyi shalla Allāhu ‘alaihi wa salam Juz’76:#5742)

Oleh yang demikian, Nabi SAW sendiri mengajarkan doa *ruqyah* kepada sahabat lalu dapat merawat sahabat yang lain dengan doa tersebut. Demikian pula, *ruqyah-ruqyah* yang bukan terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan hadith. *Ruqyah* seperti itu juga diperakui oleh Nabi SAW selagi tidak bercanggah dengan syariat. Perkara ini seperti hadith berikut:

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقَى فَبَجَاءَ آلُ عَمْرٍو بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَنَا رُقِيَةٌ نَرْقِي بِهَا مِنَ الْعُقْرَبِ وَإِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقَى . قَالَ فَعَرَضْتُهَا عَلَيْهِ . فَقَالَ " مَا أَرَى بَأْسًا مِنْ اسْتِطَاعِ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَحَاهُ فَلْيَنْفَعُهُ " .

Maksudnya: Jabir R.A melaporkan bahawa Rasulullah SAW melarang jampi. Kemudian penduduk Amr b. Hazm datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: Kami mengetahui jampi yang kami gunakan untuk mengubati sengatan kala jengking tetapi kamu telah melarangnya. Mereka membacakan (kata-kata mantera) di hadapannya, lalu dia berkata: “Aku tidak melihat sebarang kemudharatan (padanya), maka sesiapa di antara kamu yang mampu berbuat baik kepada saudaranya hendaklah berbuat demikian.”

(Hadith. Ṣaḥīḥ Al-Muslim: Kitāb al-Salām: Bāb istiḥbāb al-ruqyati min al-‘ain wa al-nimlati wa al-ḥumati wa al-nazrah Juz’39:#2199)

Oleh itu, kaedah merawat dengan *ruqyah* yang diamalkan oleh masyarakat terdahulu atau amalan oleh sesuatu puak atau kaum untuk menyembuhkan sesuatu penyakit boleh diamalkan selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam. Hal seperti ini perlu diteliti dengan baik kerana *ruqyah* tersebut (bacaan mantera) bukan terdiri daripada ayat al-Quran atau hadith atau doa-doa yang diajar oleh Nabi SAW. Perakuan Nabi SAW berkenaan *ruqyah* dalam hadith tersebut bukan tiket untuk menyatakan bahawa Nabi SAW membenarkan semua *ruqyah*. Justeru, umat Islam perlu mempelajari dan berusaha memahami syariat sehingga boleh membezakan *ruqyah* yang dibenarkan dan yang dilarang.

Menurut Ahmad Najaa', M. et al. (2018), menjelaskan pendapat Ibn al-Qayyim al-Jawziyy dalam kitab *Tibb al-Nabawi*, menegaskan bahawa Nabi SAW telah menggunakan tiga asas ubatan untuk merawat pelbagai penyakit. Pertama, menggunakan bahan semulajadi. Kedua, menggunakan elemen ketuhanan. Ketiga, menggunakan gabungan kedua-dua kaedah iaitu bahan semulajadi dan elemen ketuhanan. Rawatan Rasulullah SAW ternyata memberikan penyelesaian iaitu rawatan yang dapat menghilangkan penyakit yang dialami oleh manusia sendiri sama ada akibat pengaruh makanan atau penyakit yang datang dari luar. Kaedah rawatan Nabi SAW bukan sahaja berfungsi sebagai rawatan penyakit fizikal seperti kanser, paru-paru, buah pinggang, kencing manis, dan lain-lain penyakit yang dirasai oleh tubuh manusia, malah berfungsi sebagai rawatan spiritual.

Menurut 'Abd al-Aziz dalam Muhammad et al., (2021) menyatakan bahawa rawatan *ruqyah* iaitu ayat-ayat al-Quran dan doa-doa *ma'thurat* menjadi salah satu kaedah yang biasa digunakan oleh Rasulullah SAW. Selain itu terdapat juga kaedah

bekam, pemanasan, makanan, minuman dan sebagainya. Di samping itu, rawatan *ruqyah* bukan sahaja digunakan untuk menangkis gangguan jin tetapi juga sebagai satu bentuk terapi fizikal dan gangguan mental dengan kata lain penyakit yang memerlukan bantuan perubatan. Rawatan *ruqyah* sangat berkesan dalam mengubati gangguan psikologi yang dipengaruhi oleh kerohanian yang tidak seimbang yang mampu memberikan ketenangan dan ketenteraman jiwa seseorang yang mana proses penyembuhannya berlandaskan al-Quran dan al-hadith iaitu bukan bergantung pada ubat sahaja (Muhammad et al., 2021).

2.3.6 Jenis-Jenis Penyelewengan dalam Amalan Pengubatan Islam

Menurut Ahmad Najaa', M. et al., (2018) terdapat usaha daripada pengamal pengubatan Islam untuk menyatukan atau mencampurkan kaedah rawatan pawang dan bomoh dalam amalan pengubatan Islam. Hal demikian merupakan amalan khurafat. Khurafat bermaksud cerita-cerita yang mempersonakan yang telah dicampur adukkan dengan perkara dusta, ajaran-ajaran, khayalan, pantang larang, adat istiadat, pemujaan, ramalan atau kepercayaan yang sangat bertentangan dengan ajaran Islam (JAKIM, 2006). Amalan pawang yang dikenalpasti diamalkan oleh pengamal pengubatan Islam adalah seperti yang berikut:

2.3.6.1 Penyalahgunaan Ayat Al-Quran

Amalan penyalahgunaan ayat al-Quran yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam adalah membaca ayat al-Quran secara songsang atau terbalik iaitu bermula dari ayat akhir dan berakhir pada pangkal ayat. Amalan seperti ini dipercayai berasal daripada amalan pengamal perubatan tradisional perbomohan. Tujuan amalan

ini adalah untuk mendapatkan pertolongan daripada jin dan syaitan dalam proses rawatan yang dilakukan. Kaedah membaca ayat al-Quran secara songsang ini sebagai tanda menghina dan menyeleweng kalam Allah SWT. Hal demikian, dapat menambah sifat kekufuran seseorang dan membuka jalan jin dan syaitan untuk terlibat dalam proses pengubatan (Munirah Abd Razzak, et al., 2019).

Dalam konteks bahasa Arab, amalan membaca ayat al-Quran secara terbalik disebut sebagai "*Tankis al-Ayah*" atau "*Tankis al-Kalimah*". 'Abd Allah Hamud al-Farih dalam Mohd Hisyam Abdul Rahim (2016), menyatakan hukum membaca ayat dan surah secara songsang terdiri daripada dua bahagian. Pertama, songsang daripada aspek istilah atau kalimah ayat al-Quran. Kedua, songsang daripada aspek susunan surah. Beliau menyatakan bahawa membaca al-Quran secara songsang daripada aspek susunan kalimah atau ayat di dalam sesuatu surah adalah haram. Selain itu, Mustafa Muslim dalam Mohd Hisyam (2016), juga menyebut bahawa amalan tersebut adalah haram berdasarkan pandangan rajih bahawa susunan ayat al-Quran adalah bersifat *tawqifi* iaitu telah ditentukan oleh syarak.

Seterusnya, Ibn al-Athir (1979) menyatakan bahawa membaca ayat al-Quran bermula dari akhir surah hingga ke awal surah adalah haram. Menurut beliau, pandangan ini adalah daripada Abu 'Ubayd sejajar dengan pandangan al-Hawari bahawa membaca ayat-Quran secara songsang tidak benarkan disebabkan hal ini dapat mengubah kandungan al-Quran dan maksudnya. Oleh yang demikian, amalan seperti ini haram dilakukan oleh sesiapa pun termasuk pengamal pengubatan Islam dalam proses merawat pesakit.

2.3.6.2 Mantera atau Jampi Serapah

Menurut Harun Mat Piah (2000), mantera digunakan untuk tujuan-tujuan pengobatan, upacara dan perbomohan. Dalam budaya Melayu, mantera lebih sinonim dengan perkataan jampi serapah. Harun Mat Piah (1989) mantera ialah:

Semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau prosa, yang mengandungi tujuan dan konotasi magis, pengobatan dan perbomohan. Merangkumi semua nama dan jenis pengucapan yang sama fungsinya seperti jampi, serapah, tawa, sembur, cuaca, puja, seru tangkal dan lain-lain.

Selain itu, Mazarul Hasan et al. (2017) menjelaskan mantera ialah susunan kata-kata yang mempunyai makna tertentu dan diujarkan oleh orang yang tertentu berdasarkan niat atau maksud yang diinginkan olehnya. Pengamal boleh menggunakan dan mengucapkan mantera tersebut berdasarkan konteks masa, tempat dan lain-lain seperti bila ia harus digunakan, di mana boleh diucapkan, bagi tujuan apa dan bagaimana. Mantera juga ialah karangan berangkap yang menerangkan *world-view* dan kosmos bagi manusia berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib. Mantera menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu daripada segi budi dan bahasanya. Pengamal yang mempunyai pelbagai mantera kadangkala digelar sebagai orang berilmu. Sehubungan itu, timbulnya perkataan ilmu pengasih, ilmu penunduk, ilmu kebal dan sebagainya.

Amalan membaca mantera atau jampi serapah berlaku sejak zaman jahiliah, hadith menyebutkan secara jelas daripada Nabi SAW terhadap larangan menggunakan mantera dan jampi khususnya daripada jenis jampi dan mantera yang memuja dan

menyeru jin, syaitan dan iblis. Selain itu, jampi yang mengandung kata-kata kufur dan maksud yang tidak dapat difahami juga dilarang. Sebagaimana hadith berikut:

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكِ الْأَشْجَعِيِّ، قَالَ كُنَّا نَرْقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ تَرَى فِي ذَلِكَ فَقَالَ "اعْرِضُوا عَلَيَّ رُقَاكُمْ لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ".

Maksudnya: Daripada ‘Auf b. Malik Ashja’i R.A meriwayatkan, kami berjampi pada zaman jahiliah dan kami berkata: Wahai Rasulullah SAW, bagaimanakah hukum, terhadap yang demikian? Maka sabda Rasulullah SAW: “Kemukakan kepada ku jampi kamu itu; tidak mengapa menjampi selagi ia tidak mengandungi syirik (kepada Allah SWT).”

(Hadith. Şahih Al-Muslim: Kitāb al-Salām: Bāb lā ba’sa bil ruqā mā lam yakun fihi syirk Juz’39:#2200)

Demikian, Jahid Sidek dalam Ahmad Najaa’, M. et al., (2018) mengatakan bahawa mereka yang mengamalkan jampi mantera dalam perubatannya adalah perbuatan yang salah di sisi agama dan bercanggah dengan prinsip pengubatan Islam itu sendiri. Sebagai contoh, air jampi yang pada hakikatnya adalah air sihir, malah boleh dikategorikan sabagai salah satu simpulan sihir. Hal ini kerana air jampi mempunyai unsur bantuan jin dan syaitan ketika membuat jampi tersebut. Apabila pawang, bomoh atau dukun menjampi sebotol atau segelas air lalu ditiup ke dalam air tersebut (Ahmad Najaa’, M. et al., 2018), perkara ini seperti firman Allah SWT:

وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ

Maksudnya: "Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan);

(Al-Qur’an. Al-Falaq 113:4)

Sekiranya, jampi yang diamalkan tidak mengandungi unsur syirik, jampi tersebut boleh diamalkan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي سُوَيْبَانَ، عَنْ جَابِرٍ، قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقَى فَنَجَاءَ آلُ عَمْرِو بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَنَا رُقِيَّةٌ نَرْقِي بِهَا مِنَ الْعُقْرِبِ وَإِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقَى . قَالَ فَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ . فَقَالَ " مَا أَرَى بَأْسًا مِنْ اسْتِطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَحَاهُ فَلْيَنْفَعُهُ " .

Maksudnya: Jabir melaporkan bahawa Rasulullah SAW melarang jampi. Kemudian penduduk Amr b. Hazm datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: Kami mengetahui jampi yang kami gunakan untuk mengubati sengatan kala jengking tetapi kamu telah melarangnya. Mereka membacakan (kata-kata mantera) di hadapannya, lalu dia berkata: "Aku tidak melihat sebarang kemudharatan (padanya), maka sesiapa di antara kamu yang mampu berbuat baik kepada saudaranya hendaklah berbuat demikian."

(Hadith. Şahih Al-Muslim: Kitāb al-Salām: Bāb istiḥbāb al-ruqyāti min al-‘ain wa al-nimlāfi wa al-ḥumāfi wa al-nazrah Juz’39:#2199)

Oleh yang demikian, terdapat dua jenis jampi dalam amalan pengobatan Islam. Pertama, jampi yang dilarang iaitu jampi yang mengandungi unsur syirik dan menyalahi syariat Islam. Kedua, jampi yang dibenarkan iaitu tidak mengandungi perkara yang meragukan daripada sudut syarak, tidak memberi kemudharatan dan dapat membantu orang lain dalam merawat sesuatu penyakit.

2.3.6.3 Tangkal atau Azimat

Menurut Ahmad Najaa’, M. et al., (2018) masyarakat di Asia Tenggara memakai tangkal atau azimat sejak dari zaman animisme, zaman Hindu dan zaman Buddha iaitu sejak beribu tahun dahulu. Kedatangan Islam kira-kira selepas kewujudan zaman tersebut tidak dapat menghapuskan kebiasaan masyarakat asia tenggara memakai tangkal atau azimat. Malah, sehingga kini pemakaian tangkal atau

azimat masih berleluasa. Jawiah dalam Farhan, M. A. et al., (2013) menyatakan bahawa dalam masyarakat di Malaysia, tangkal sering dipakaikan pada kanak-kanak untuk mengelakkan daripada ditimpa penyakit sawan dan lain-lain. Selain itu, tangkal juga diletakkan di hadapan pintu rumah supaya tidak dimasuki oleh orang yang berniat jahat, makhluk halus dan sebagainya.

Selain itu, tangkal atau azimat juga dibuat dengan menggunakan perkara yang menyalahi syariat Islam seperti jampi serapah iaitu jampi yang mengandungi unsur syirik, tulisan, gambar dan lain-lain bahan yang dilarang. Tangkal azimat adalah daripada jenis *ta'wid*, *wafā'*, *istighāthah* dan *isti'ānah* yang diperbuat daripada ayat-ayat al-Quran yang dipercayai akan memberi keberkatan dan perlindungan serta mendatangkan pelbagai kebaikan kepada sesiapa yang memakainya (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Sebagai contoh lain, Al-Tumir dalam Munirah Abd Razzak, et al., (2019) menyatakan terdapat amalan yang menggantungkan ayat al-Quran pada kanak-kanak atau orang dewasa, menggantung di tempat tertentu. Antaranya, menggantung di seperti dalam kereta untuk melindungi daripada kemalangan, menggantungkan surah al-Insyirah di dalam kedai untuk mengelakkan kecurian dan lain-lain. Amalan ini termasuk dalam perkara *bid'ah*. Oleh yang demikian, kebanyakan pandangan ulama berkaitan hukum pemakaian tangkal adalah haram kerana amalan itu tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Bahkan, tiada riwayat yang menyebut bahawa Rasulullah SAW memakai tangkal atau memberi orang lain memakai tangkal.

Seterusnya, menurut Ahmad Najaa', M. et al., (2018), jumhur ulama' berpandangan bahawa amalan pemakaian tangkal atau azimat adalah haram. Hal demikian disebabkan menimbulkan rasa dalam diri pemakai bahawa tangkal tersebut

iaitu *ta'wiḍ, wafā', istighāthah* dan *isti'ānah* boleh melindungi dan memberi manfaat kepadanya. Malah, *i'tiqad* atau keyakinan seperti ini boleh menyebabkan syirik.

Ahmad Najaa', M. et al., (2018) turut menjelaskan pandangan Imam Suyuti dalam kitabnya *al-Manhaj al-Sawi wa'l-Manhal al-'Azab al-Rawi fi Tibb al-Nabawi*, yang menyatakan bahawa sesiapa yang menggunakan ayat al-Quran sebagai tujuan rawatan dan pesakit tersebut telah sembuh. Lalu, dipercayai bahawa ayat al-Quran itu yang menyembuhkan penyakit tersebut. Maka, orang yang beriktikad seperti itu telah menyekutukan Allah SWT. Justeru, sesiapa yang memakai tangkal atau azimat daripada ayat al-Quran dengan iktikad sedemikian, tentu lebih buruk dan nyata perbuatan itu adalah syirik. Sepertimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "مَنْ عَقَدَ عُقْدَةً ثُمَّ نَفَثَ فِيهَا فَقَدْ سَحَرَ وَمَنْ سَحَرَ فَقَدْ أَشْرَكَ وَمَنْ تَعَلَّقَ شَيْئًا وَكَلَّ إِلَيْهِ".

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang mengikat suatu ikatan (tangkal), kemudian menghembus (menjampi) pada ikatan tersebut, ia telah melakukan sihir, sesiapa yang melakukan sihir, maka dia telah berlaku syirik. Sesiapa yang menggantung sesuatu (tangkal), maka dia telah bertawakkal dengannya."

(Hadith. Sunan an-Nasa'i: Kitāb tahrim al-dam: Bāb al-hukmi fi al-saharah Juz'37:#4079)

Oleh yang demikian, jelas haram hukumnya sekiranya terhadap amalan pemakaian atau pembuatan tangkal atau azimat oleh pengamal pengobatan Islam. Harun Din dalam Farhan M. A. et al., (2013) juga menyatakan bahawa penggunaan tangkal atau azimat dalam perubatan adalah haram. Perkara tersebut seolah-olah tidak percaya terhadap kekuasaan Allah SWT menyembuhkan segala penyakit yang dihidapi oleh manusia.

2.3.6.4 Penilikan

Amalan penilikan adalah antara amalan yang berkait rapat dengan perkara khurafat. Hal ini demikian kerana, terdapat unsur-unsur yang meragukan seperti khayalan, cerita-cerita yang dongeng dan lain-lain yang reka atau dipelajari daripada sesuatu ilmu penilikan. Sebagai contoh, menilik dengan melihat garis-garis di telapak tangan, menggunakan tasbih yang berpusing-pusing, menggunakan jari telunjuk untuk mencari penyakit, menggunakan bisikan di telinga, menggunakan asap rokok, keris, senjata, kemenyan dan sebagainya (Ahmad Najaa', M. et al., 2018). Amalan ini dilarang dalam Islam. Sepertimana firman Allah SWT yang mengatakan bahawa tiada siapapun yang akan mengetahui perkara ghaib kecuali Allah SWT.

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ ۗ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ

Maksudnya: Katakanlah lagi: Tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).

(Al-Qur'an. Al-Naml 27:65)

Selain itu, Allah SWT juga berfirman:

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ ۗ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ لَا سْتَكْتَرْتُ مِنْ
الْحَيْرِ وَمَا مَسَّنِي السُّوءُ ۗ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman”.

(Al-Qur’an. Al- A rāf 7:188)

Seterusnya, Allah SWT menegaskan:

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبِ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ ۗ إِنِّي أَنَّبِعُ إِلَّا مَا
يُوحَىٰ إِلَيَّ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ ۗ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad); “Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib; aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku”. Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Tidakkah kamu mahu berfikir?"

(Al-Qur’an. Al- An‘ām 6:50)

Oleh yang demikian, Islam melarang untuk menemui tukang tilik atau pawang, bomoh, pengamal pengubatan dan mereka yang berkaitan dengan tilikan apatah lagi mempercayai kata-kata mereka. Hal demikian sekiranya seseorang mempercayai sesuatu penilikan, perkara ini boleh mengakibatkan dosa besar. Bahkan, dengan menjadikan tukang tilik atau pengamal pengubatan tersebut sebagai guru dengan mempelajari ilmu daripadanya lalu menggunakan dalam kaedah merawat adalah sangat dilarang (Ahmad Najaa’, M. et al., 2018). Sebagaimana sabda

Rasulullah SAW:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - " مَنْ أَقْتَبَسَ عِلْمًا مِنَ النُّجُومِ
اِقْتَبَسَ شُعْبَةً مِنَ السِّحْرِ زَادَ مَا زَادَ " .

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas R.A bahwa Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang mempelajari sesuatu ilmu yang berkaitan dengan bintang (ilmu tilik berdasarkan bintang), maka dia telah mempelajari salah satu cabang sihir, maka ia akan bertambah dan terus bertambah (kesyirikan dan ilmu sihirnya).”

(Hadith. Sunan Ibn Majah: Kitāb al-Adab: Bāb ta'allam al-nujūm
Juz'33:#3726)

Tambahan pula, Yusuf Al-Qardawi dalam Basri Ibrahim (2009) juga menyatakan bahawa amalan mempercayai bomoh adalah syirik dan satu bentuk kezaliman yang paling besar terhadap Allah SWT. Oleh itu, Islam menentang amalan khurafat sekeras-kerasnya. Demikian, Islam adalah agama yang berdiri di atas keyakinan, bukannya sangkaan. Justeru, sekiranya terhadap amalan penilikan yang dibuat oleh mana-mana pengamal penguatan Islam, amalan ini adalah amalan yang bertentangan dengan syariat Islam dan perlu dijauhi.

Hal ini juga sebagaimana Mufti Wilayah Persekutuan (2019) membahaskan hukum meyakini zodiak (bintang 12) boleh menentukan nasib baik dan buruk seseorang boleh membawa kepada kekufuran. Hukum sekadar membaca tanpa mempercayainya adalah harus. Namun, tidak digalakkan kecuali atas keperluan seperti kajian. Manakala, hukum mempercayainya adalah syirik.

2.3.6.5 Pengeras

Pengeras adalah ganjaran atau upah yang diberikan kepada bomoh atau jin peliharaan atas tilikannya iaitu melalui bantuan daripada jin. Pengeras adalah

berbentuk wang, haiwan, makanan dan lain-lain (Farhan M. A. et al., 2013). Menjadi satu kesilapan besar sekiranya pengeras disamakan dengan upah atau bayaran bagi perkhidmatan merawat. Hal ini kerana, hukum upah atas khidmat rawatan adalah harus, manakala hukum memberi pengeras adalah haram. Ini kerana, pengeras merupakan (ضرب من التقرب إلى الشياطين) yang bermaksud sejenis amalan atau perbuatan atau syarat yang menandakan sebagai *taqarrub* kepada syaitan. Amalan seperti ini sering dilakukan oleh pengamal ilmu hitam atau ahli sihir (Ahmad Najaa' M., et al 2018). Hukum memberi pengeras adalah haram sebagaimana hadith berikut:

عَنْ أَبِي بَكْرٍ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ هِشَامٍ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا مَسْعُودٍ، عَثْبَةَ قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ وَمَهْرِ الْبَغِيِّ وَخُلُوانِ الْكَاهِنِ

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Abu Bakar bin 'Abdur-Rahman bin Al-Harith bin Hisyam R.A bahawa dia mendengar Abu Mas'ud 'Uqbah R.A berkata: “Rasulullah SAW menegah (melarang) tentang jual beli anjing, wang hasil pelacuran dan memberi pengeras (habuan) untuk bomoh (atas tilikan dan ramalannya).”

(Hadith. Sunan an-Nasa'i: Kitāb ṣaidi wa al-dabā'ih: Bāb al-nahī 'an thamani al-kalbi Juz'42:#4292)

Oleh yang demikian, amalan memberi pengeras adalah amalan yang bertentangan dengan syariat Islam. Pengamal pengubatan Islam yang melakukan perbuatan seperti ini berkemungkinan besar bekerjasama dengan jin dan syaitan dalam kaedah rawatan. Oleh itu, sikap peka dan berhati-hati sangat perlu dalam memilih pengamal pengubatan Islam bagi merawat sesuatu penyakit.

Manakala, menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2019) upah adalah berbeza dengan pengeras. Upah bagi rawatan perubatan *ruqyah syar'iyah* adalah diharuskan di sisi syarak berdasarkan hadith yang berikut:

عَنْ أَبِي الْمُتَوَكِّلِ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ نَاسًا، مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانُوا فِي سَفَرٍ فَمَرُّوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضَافُوهُمْ فَلَمْ يُضِيفُوهُمْ. فَقَالُوا هَلْ فِيكُمْ رَاقٍ فَإِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ لَدَيْعٌ أَوْ مُصَابٌ. فَقَالَ رَجُلٌ مِنْهُمْ نَعَمْ فَأَتَاهُ فَرَقَاهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَبَرَأَ الرَّجُلُ فَأَعْطِيَ قَطِيعًا مِنْ غَنَمِ فَأَبَى أَنْ يَقْبَلَهَا. وَقَالَ حَتَّى أَذْكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ. فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَاللَّهِ مَا رَقَيْتُ إِلَّا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ. فَتَبَسَّمْ وَقَالَ "وَمَا أَذْرَاكَ أَنَّهَا رُقِيَّةٌ". ثُمَّ قَالَ "خُذُوا مِنْهُمْ وَاضْرِبُوا لِي بِسَنَمِهِمْ مَعَكُمْ"

Maksudnya: “Sesungguhnya beberapa orang daripada kalangan sahabat Rasulullah SAW sedang berada dalam perjalanan. Mereka pergi ke salah sebuah kampung Arab dan mereka berharap agar boleh menjadi tetamu kepada penduduk kampung tersebut. Namun ternyata penduduk kampung itu tidak mahu menerima mereka. Tetapi ada yang bertanya: “Adakah ada antara kamu yang boleh menjampi? Ini kerana penghulu kampung kami terkena sengat.” Salah seorang dari para sahabat menjawab: “Ya, ada.” Lalu beliau menemui ketua kampung tersebut dan menjampinya dengan surah al-Fatihah. Kemudian ketua kampung tersebut sembuh, maka sahabat tersebut diberi beberapa ekor kambing. Beliau tidak mahu menerimanya dan mengajukan syarat: “Aku akan menyampaikannya kepada Nabi SAW,” beliau pun pulang menemui Nabi SAW dan menyatakan pengalaman tersebut. Beliau berkata: “Ya Rasulullah! Demi Allah, aku hanya menjampi dengan surah al-Fatihah.” “Bagaimana engkau tahu bahawa al-Fatihah itu memang merupakan jampi?” Kemudian Baginda bersabda lagi: “Ambillah pemberian daripada mereka dan pastikan aku mendapatkan bahagian bersama kamu.”

(Hadith. Şāḥih al-Muslim: Kitāb aṣ-Ṣalām: Bāb jawāzi akhzi al-ujrati ‘ala al-ruqyati bil qur’ān wa al-azkār Juz’39:#2201)

Mufti Wilayah Persekutuan (2019) membahaskan pandangan Imam al-Nawawi dalam *Syarh al-Nawawi ‘ala Muslim* yang menyatakan bahawa hadith ini menunjukkan jelas tentang keharusan mengambil upah daripada *ruqyah* dengan Al-Fatihah dan zikir. Sesungguhnya ia adalah halal tanpa kemakruhan di dalamnya.

2.3.6.6 Penggunaan Jin

Menurut Munirah Abd Razzak, et al., (2019), penggunaan jin dalam rawatan menyembuhkan penyakit dikenali sebagai *istighāthah*. Hukum menggunakan khidmat jin adalah haram. Perkara ini jelas diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia yang menyatakan bahawa Islam melarang umatnya daripada mengambil atau menggunakan khidmat jin, lebih-lebih lagi dalam melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak. Menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2018), mengambil dan meminta pertolongan daripada jin akan menjadikan seseorang lebih bongkak, sombong dan bertambah kejahatannya. Sebagaimana Allah SWT berfirman:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Maksudnya: ‘Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.

(Al-Qur’an. Al-Jinn 72:6)

Demikian, menurut Ibn Kathir (1998), jin (الجن) di sini dalam bentuk *ma’rifah* sehingga ia memberikan makna umum, iaitu semua jenis jin sama ada jin baik (muslim) mahupun jin kafir. Seterusnya, seseorang yang cuba mendapatkan khidmat jin kebiasaannya adalah mereka yang beranggapan bahawa jin boleh mengetahui perkara-perkara ghaib.

Malah, Jawiah Dakir dan Awang Wan Ali (2010) menyatakan bahawa amalan *istighāthah* ini telah lama wujud dalam budaya masyarakat Melayu yang diwarisi sejak zaman purba iaitu daripada ajaran agama Hindu. Mereka mempercayai bahawa

semangat, jin dan syaitan boleh memberi kebaikan dan kemudharatan kepada manusia. Hakikatnya, jin tidak mengetahui perkara-perkara ghaib. Hal ini jelas sepertimana yang berlaku dalam kisah Nabi Sulaiman:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ الْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَى مَوْتِهِ إِلَّا دَابَّةُ الْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنْسَأَتَهُ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ
الْجِنُّ أَنْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ الْغَيْبَ مَا لَبِثُوا فِي الْعَذَابِ الْمُهِينِ

Maksudnya: Setelah Kami tetapkan berlakunya kematian Nabi Sulaiman, tidak ada yang menunjukkan kepada mereka tentang kematiannya melainkan semut putih (anai-anai) yang telah memakan tongkatnya. Maka apabila ia tumbang, ternyata kepada golongan jin itu, bahawa kalaulah mereka sedia, mengetahui perkara yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di dalam azab (kerja berat) yang menghina.

(Al-Qur'an. Saba' 34:14)

Selain itu, amalan penggunaan jin dan syaitan amat meluas dalam kalangan pengamal pengubatan pada zaman jahiliyah yang dikenali sebagai *kahin* bagi lelaki dan *kahinah* bagi perempuan (Ahmad Najaa', M. et al., 2018). Rasulullah SAW juga pernah dituduh oleh pemimpin-pemimpin Quraisy sebagai seorang *kahin* yang sentiasa didampingi oleh jin atau syaitan. Allah SWT menafikan tuduhan tersebut dengan firman-Nya:

فَذَكِّرْ فَمَا أَنْتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ

Maksudnya: Maka hendaklah engkau (wahai Muhammad) tetap tekun memberi peringatan (dengan ajaran-ajaran Al-Quran yang diturunkan kepadamu, dan janganlah dihiraukan golongan yang ingkar), kerana engkau dengan nikmat Tuhanmu (yang dilimpahkanNya kepadamu itu) bukanlah seorang pawang dan bukan pula seorang gila.

(Al-Qur'an. Aṭ-Ṭūr 52:29)

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat pengamal pengubatan Islam yang menggunakan khidmat jin, mereka juga dikenali sebagai *kahin* atau *kahinah*. Justeru, Allah SWT melarang keras kepada manusia sepertimana firman-Nya:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَا مَعْشَرَ الْجِنَّ قَدِ اسْتَكْبَرْتُمْ مِنَ الْإِنْسِ ۗ وَقَالَ أَوْلِيَاؤُهُمْ مِنَ الْإِنْسِ رَبَّنَا اسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَّغْنَا أَجَلَنَا الَّذِي أَجَلْتَ لَنَا ۗ قَالَ النَّارُ مَثْوَاكُمْ خَالِدِينَ فِيهَا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: Dan (ingatlah) hari (kiamat yang padanya) Allah akan himpulkan mereka semua, (lalu berfirman): "Wahai sekalian jin (Syaitan-syaitan)! Sesungguhnya kamu telah banyak pengikut-pengikut dari manusia". Dan berkatalah pula pengikut-pengikut mereka dari golongan manusia: "Wahai Tuhan kami, sebahagian kami (manusia) telah bersenang-senang (mendapat kemudahan) dengan sebahagian yang lain (Syaitan-syaitan), dan kami telah sampailah kepada masa kami (hari kiamat) yang Engkau telah tentukan bagi kami". (Allah berfirman): "Nerakalah tempat kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya, kecuali apa yang dikehendaki Allah". Sesungguhnya Tuhannu (wahai Muhammad) Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.

(Al-Qur'an, Al- An'am 6:128)

Petikan ayat al-Quran tersebut telah menunjukkan amaran kepada sesiapa yang menjadi rakan kongsi dan bekerjasama dengan jin dan syaitan dalam semua amalan yang berkaitan dengan jin seperti amalan menangkap jin, membunuh jin dan sebagainya. Oleh itu, hal ini jelas menjadi dasar terhadap amalan penggunaan jin dalam amalan pengubatan Islam seperti menggunakan bantuan jin dalam rawatan secara langsung atau rawatan jarak jauh (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

2.3.6.7 Sihir atau Ilmu Hitam

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2018) menjelaskan bahawa Ibn Manzur mentakrifkan sihir sebagai amalan yang mendekatkan seseorang kepada syaitan

melalui bantuan daripadanya. Justeru, Islam menolak amalan sihir dan mengajar umat Islam untuk sentiasa meminta perlindungan dengan Allah SWT daripada segala kejahatan dan sihir. Sepertimana firman Allah SWT:

وَمِن شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ

Maksudnya: "Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan);

(Al-Qur'an. Al-Falaq 113:4)

Mufti Wilayah Persekutuan (2018) juga menyatakan bahawa Imam Al-Tabari menafsirkan ayat ini dengan meminta perlindungan daripada kejahatan ahli sihir perempuan yang bertiup atau menghembus pada simpulan benang ketika seusai menjampinya. Amalan ini menyebabkan dosa besar, sebagaimana hadith Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ". قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ "الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسَّحَرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَدْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْعَافِلَاتِ"

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A: Rasulullah SAW bersabda, "Jauhilah tujuh dosa besar yang membinasakan." Sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah! Apakah itu?" Baginda bersabda, "Mengsyirikkan Allah, melakukan sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah SWT kecuali dengan alasan yang benar (menurut hukum Islam), memakan riba, memakan harta anak yatim, membelakangi musuh dan melarikan diri dari medan perang pada waktu berperang dan menuduh wanita-wanita muhsan beriman yang tidak bersalah dengan tuduhan zina."

(Hadith. Şaḥīḥ Al-Bukhāriyy: Kitāb al-ṭibb: Bāb al-Hudud: Bāb ramyī al-Muḥṣanāh Juz'86:#6857)

Seterusnya, hukum seseorang pergi bertemu dengan tukang sihir untuk meminta bantuan mengubati sihir yang dialaminya adalah haram. Hal demikian

kerana, perbuatan tersebut jelas meletakkan pergantungan selain kepada Allah SWT iaitu syirik kepada Allah SWT. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ صَفِيَّةَ، عَنْ بَعْضِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
" مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً " .

Maksudnya: Safiyya R.A meriwayatkan dari beberapa isteri Nabi SAW, baginda telah berkata: Sesiapa yang menziarahi ahli nujum ('Arraf) dan bertanya kepadanya tentang sesuatu, maka solatnya hingga empat puluh malam tidak akan diterima.

(Hadith. Şahih Al-Muslim: Kitāb al-Salām: Bāb tahrim al-kihānati wa ityāni al-kuhhān Juz'39:#2230)

Manakala, bagi seseorang yang pergi berjumpa dengan penyihir dan telah mempercayai kata-katanya, maka dia telah kufur terhadap apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi SAW. Hal ini sebagaimana hadith berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ . صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . " مَنْ أَتَى حَائِضًا
أَوْ امْرَأَةً فِي دُبْرِهَا أَوْ كَاهِنًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَيَّ
مُحَمَّدٌ "

Maksudnya: Diriwayatkan bahawa Abu Hurairah R.A berkata: "Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang menyetubuhi perempuan haid, atau perempuan di belakangnya, atau mendatangi tukang ramal lalu mempercayai apa yang dikatakannya, maka dia telah kafir kepada apa yang diturunkan kepada Muhammad."

(Hadith. Sunan Ibn Majah: Kitāb al-tohārah wa sunanihā: Bāb al-nahi 'an ityāni al-ḥā'iq Juz'1:#639)

Oleh yang demikian, amalan sihir adalah salah satu tipu daya jin dan syaitan yang tanpa noktah akan berusaha untuk memperdaya manusia. Hakikatnya, perkara

ghaib adalah rahsia Allah SWT. Sepertimana firman Allah SWT yang mengatakan bahawa tiada siapun yang akan mengetahui perkara ghaib kecuali Allah SWT.

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْعَيْبَ إِلَّا اللَّهُ ۗ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ

Maksudnya: Katakanlah lagi: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).

(Al-Qur'an. Al-Naml 27:65)

2.3.6.8 Hipnosis atau Pukau

Hipnosis atau pukau adalah amalan daripada agama Hindu dan Buddha. Amalan ini dilakukan oleh sami-sami dalam yoga dengan cara mengosongkan minda dan fokus kepada sesuatu kehendak. Mereka percaya bahawa melalui amalan ini akan mendapat ketenangan dan menghasilkan kebolehan luar biasa seperti dapat meramal perkara yang akan berlaku, dapat membaca hati dan minda seseorang, menguasai kehendak seseorang dan lain-lain lagi. Pada hakikatnya, amalan ini melibatkan peranan dan penguasaan daripada syaitan sehingga mampu mencapai ketenangan dan melakukan perkara luar biasa (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Pukau atau hipnosis bertujuan mengawal minda, kesedaran dan perasaan seseorang. Hal ini menyebabkan orang yang dipukau akan mengikuti kehendak orang yang memukau tanpa disedari. Selain itu, mengawal pendengaran, pandangan, minda dan perasaan untuk membongkar rahsia seseorang dan mengawal roh seseorang supaya mengikut segala arahan. Antara kaedah melakukan hipnosis adalah dengan menepuk bahu, bersalam, mencuit, dengan bau-bauan, asap, melalui makanan, minuman, pandangan mata, lafaz salam dan sebagainya. Amalan ini pada zahirnya

tidak menggunakan jampi mantera dan lain-lain, tetapi hal ini terdapat ruang-ruang tipu daya dan permainan syaitan (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Menurut Mahyuddin Ismail (2021), hipnosis adalah bercanggah dengan ajaran Islam daripada sudut syariah dan akidah. Hal ini demikian kerana hipnosis adalah berasal daripada ritual agama kuno dan mempunyai pengaruh agama hindu iaitu pengaruh Hukum Karma dan *Reincarnation of Past Life Regression*. Selain itu, perkara ini bercanggah dengan konsep akidah Islam iaitu percaya kepada Qada' dan Qadar Allah SWT. Bahkan, mempunyai persamaan dengan amalan menilik dan meramal yang melibatkan perkara ghaib. Tambahan pula, melanggar *maqasid* syariah iaitu membawa kepada kondisi hipnotik yang merupakan suatu pencerobohan akal manusia.

Akhir sekali, amalan ini adalah amalan '*khawariqul adat*' atau perkara mencarik adat iaitu perkara luar daripada kebiasaan. Oleh yang demikian, dalam Islam sekiranya amalan ini dapat dilakukan oleh seseorang, kebolehan tersebut adalah disebabkan oleh hukuman yang diberikan oleh Allah sedikit demi sedikit (*istidraj*) atau sihir, bukan perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia yang soleh atau wali (*karamah*) atau perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah bagi orang-orang tertentu untuk menambah keyakinan kepada Allah (*ma'unah*) (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

2.3.6.9 Pembedahan Batin

Pembedahan batin atau dikenali juga sebagai bedah batin adalah suatu amalan pembedahan yang dilakukan oleh seorang perawat kepada pesakit tanpa menggunakan alatan pembedahan. Amalan ini dilakukan dengan menggunakan tangan semata-mata

dengan menekan hujung jari ke bahagian anggota yang hendak dirawat. Setelah menekan sehingga sedikit tenggelam di bahagian anggota tersebut, pesakit tidak akan berasa sakit, malah hanya merasa sedikit mengantuk. Hal ini adalah kesan daripada pukau yang dilakukan oleh perawat. Ketika pembedahan dijalankan, pelbagai situasi akan berlaku contohnya, darah akan mula mengalir, perawat akan mengeluarkan sesuatu barang daripada tubuh pesakit seperti paku, kaca, objek tajam dan lain-lain. Setelah itu, anggota yang dibedah akan ditutup dan dibersihkan tanpa terdapat sebarang kesan dan luka (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Oleh yang demikian, menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2016), amalan bedah batin telah dikenalpasti sebagai amalan penipuan dan khurafat. Pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka (2012) juga telah mengeluarkan Garis Panduan Amalan Pengubatan Dan Perbomohan Menurut Islam dengan kenyataan bahawa amalan bedah batin ini adalah dilarang dan tidak dibenarkan diamalkan kerana melibatkan bantuan jin, dan fitnah.

2.4 Konsep Dakwah

2.4.1 Maksud Dakwah

Menurut Ibn Manzur (2005), perkataan dakwah berasal daripada kalimah bahasa Arab iaitu *دَعَا*, *يَدْعُو*, *دَعْوَةً*. Daripada sudut bahasa, perkataan *دَعْوَةٌ* berasal daripada perkataan *دَعَى* yang bermaksud meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil dan menyeru.

Wan Muhammad (1985) menyatakan perkataan dakwah berasal dari kalimat Arab *da'a*, *yad'u* yang bermaksud seruan, panggilan, imbauan, undangan atau jemputan. Selain itu, menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001) ialah meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung.

Manakala, istilah dakwah menurut Yusuf al-Qardawi (1983) adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah Allah. Zaidan (1978) pula mendefinisikan dakwah sebagai panggilan ke jalan Allah SWT iaitu agama Islam, agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Selain itu, Fathi Yakan (1977) menyatakan bahawa dakwah itu untuk manusia dan ditujukan kepada manusia yang bermacam-macam keadaan dan bermacam-macam perbezaan, sama ada daripada sudut umur, lapisan, pengetahuan, status, keadaan masyarakat, kecenderungan dan aliran pemikiran.

Istilah 'pendekatan' dan 'dakwah' mempunyai hubungan yang penting antara kedua-duanya. Terdapat beberapa istilah selain 'pendekatan' yang sering dipadankan dengan perkataan 'dakwah'. Antaranya ialah metodologi, metode, kaedah, dan

beberapa perkataan dalam bahasa Arab seperti *uslūb*, *manhaj*, *waṣīlah* dan daripada bahasa Inggeris disebut *approach* (Ab. Aziz Mohd Zin. 2001).

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001) dalam bukunya yang bertajuk 'Metodologi Dakwah' menyatakan bahawa:

Metodologi dakwah itu bererti ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara dakwah. Atau, dengan ringkas disebut ilmu atau kajian tentang cara dakwah. Ia juga boleh diertikan secara ringkas sebagai sains cara dakwah atau kajian cara dakwah. Memandangkan *manhaj* atau *uslūb* dakwah itu berdasarkan al-Quran dan hadith, yang ilmu pengetahuan dari kedua-duanya bersifat *haq*, jelas, muktamad dan sistematik, maka ia sesuai disebut metodologi dakwah.

Oleh itu, kesemua istilah diatas termasuk ke dalam kumpulan yang sama daripada sudut pengertiannya apabila dikaitkan dengan dakwah (Ab. Aziz Mohd Zin. 2001).

2.4.2 Keperluan Dakwah

Natsir (1978) menjelaskan tujuan dakwah adalah untuk menyeru manusia kembali kepada syariat atau hukum-hukum agama supaya mereka boleh mengatur diri mereka mengikut perintah yang bersesuaian dengan kehendak agama. Malah, agama bukan sekadar aspek kepercayaan sahaja, tetapi terdapat pelbagai aspek kehidupan untuk mengatur manusia sama ada hubungan manusia dengan Allah SWT ataupun sesama manusia.

Baharuddin Ali (2014) menyatakan bahawa dakwah adalah pekerjaan yang memerlukan keupayaan intelek yang tinggi, tumpuan dan dedikasi bagi seluruh umat

Islam untuk memikul tanggungjawab dakwah. Justeru, dakwah mempunyai kuasa yang berkesan dalam masyarakat sebagai sarana dalam menyampaikan kebaikan.

Islam adalah agama yang datang daripada Allah untuk seluruh umat manusia. Rasulullah SAW adalah utusan terakhir dalam menyampaikan agama ini kepada umatnya dalam keadaan yang jelas dan terang. Justeru, hal ini adalah tugas para rasul yang dimaksudkan dengan dakwah (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001). Sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا عَلَيْنَا إِلَّا الْبَلْغُ الْمُبِينُ

Maksudnya: “Dan tugas Kami hanyalah menyampaikan perintah-perintahNya dengan cara yang jelas nyata”.

(Al-Qur’an, Yā-Sīn 36:17)

Ab. Aziz Mohd Zin (1997) menyatakan pandangan Syeikh Ali Makhfudh dalam kitabnya *Hidayah al-Mursyidin* bahawa takrif dakwah ialah:

إن الدعوة إلى الله حياة الأديان وأنه ما قام دين من الأديان ولا انتشر مذهب من المذهب
ولا ثبت مبداء من المبادئ إلا بالدعوة

Bahawa dakwah kepada Allah SWT itu ialah untuk menghidupkan agama-agama dan sesungguhnya tidak akan muncul satu agama daripada agama yang lain dan tidak akan berkembang satu mazhab daripada beberapa mazhab dan tidak akan meluas satu prinsip daripada prinsip yang lain melainkan dengan dakwah.

Seterusnya, Syeikh Muhammad Khidr Husain dalam Ab. Aziz Mohd Zin (2001) menyatakan bahawa dakwah adalah “keupayaan untuk memotivasikan orang agar berbuat baik dan mengikut jalan petunjuk, dan melakukan *amr ma’rūf nahy*

munkar dengan tujuan mendapatkan kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat” dalam bukunya *al-Da'wah ila al-Islah*.

Seterusnya, dalam konteks sasaran dakwah, menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001) menyatakan maksud sasaran dakwah adalah orang yang hendak didakwahkan atau orang yang hendak dikemukakan isi dan kandungan dakwah. Zaidan (1976) menjelaskan bahawa *uslub* dakwah yang berjaya bermula dengan mengenalpasti masalah dalam Islam (penyakit) yang dialami oleh sasaran, kemudian mengenalpasti kaedah dakwah (ubatnya).

Hal ini bertepatan dengan konsep islah. Sebagaimana Abdul Rauh Yaacob (2006) menjelaskan maksud islah adalah satu usaha untuk memperbaiki keadaan umat Islam yang telah rosak dan menyeleweng daripada ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW dengan cara mengajak umat Islam kembali kepada tahap umat Islam dalam generasi awal Islam dahulu, di bawah pimpinan dan bimbingan Rasulullah SAW atau sekurang-kurangnya menghampiri tahap dan keadaan generasi tersebut.

Oleh yang demikian, keperluan dakwah dalam konteks amalan pengubatan Islam hakikatnya tertumpu kepada proses pengislahan kepada pengamal dan umat Islam secara amnya agar memahami kaedah rawatan yang bertepatan dengan landasan akidah dan syariah. Pengislahan kepada pengamal yang menyeleweng ini memerlukan dakwah dalam konteks mencegah kemungkar dan tidak cukup sekadar memberi pesanan iaitu mengajak kepada kebaikan.

2.4.3 Asas-Asas Dakwah

Asas-asas dakwah yang telah digariskan melalui al-Quran (Abdul Karim Zaidan, 1976) adalah sebagaimana yang berikut:

2.4.3.1 Pendakwah (*Da'i*)

Pendakwah adalah orang yang berusaha mengajak orang lain kepada Islam dengan cara-cara tertentu. Selain itu, pendakwah hendaklah mempunyai bekalan dakwah yang mencukupi seperti ilmu tentang agama Islam, pengetahuan umum yang banyak, ilmu tentang sejarah, ilmu pengetahuan tentang mazhab-mazhab dalam Islam, realiti semasa, ilmu kemanusiaan dan *siyāsah*. Di samping itu, pendakwah juga dituntut mempunyai hubungan yang kuat kepada Allah S.W.T serta mempunyai sifat-sifat mulia ataupun mempunyai ketinggian akhlak (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001)

2.4.3.2 Sasaran Dakwah (*Mad'u*)

Secara umumnya, sasaran dakwah adalah manusia keseluruhannya dan mereka terbahagi kepada dua kumpulan iaitu golongan beragama Islam dan golongan yang bukan beragama Islam. Dalam pada itu, masing-masing golongan mempunyai kompleksiti yang tersendiri (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001).

'Abd al-Karim Zaidan (1976) menyebut bahawa sasaran dakwah adalah semua manusia. Mereka hendaklah diseru kepada agama Allah SWT dan disampaikan ajaran Islam yang sempurna. Kemudian, beliau menyebut sasaran dakwah hendaklah yang sudah baligh, berakal, tidak kira apa juga warganegara, warna kulit, status sosial dan jantina.

2.4.3.3 Isi Kandungan Dakwah (*Maudu'*)

Isi kandungan dakwah sangat luas malah mencakupi keseluruhan Islam itu sendiri yang terkandung di dalamnya pelbagai bahagian dan aspek yang berfokuskan kepada akidah, syariat dan akhlak. Isi kandungan dakwah juga hendaklah disesuaikan dengan sasaran dakwah sama ada kepada orang Islam ataupun orang bukan Islam (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001).

2.4.3.4 Medium Dakwah (*Manhaj*)

Manhaj adalah jalan yang bersistematik, jalan yang jelas, perancangan dan mekanisme (Ibn Manzur, 1990). Medium dakwah juga dikenali dengan istilah *Wasa'il al-Da'wah* dan *Uslūb al-Da'wah* (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001; Abdul Karim Zaidan, 1976)

2.4.4 Sasaran Dakwah Kepada Orang Islam

Sasaran dakwah dalam konteks kajian ini adalah terdiri daripada pengamal penganutan Islam. Oleh itu, perbincangan berfokus kepada sasaran dakwah kepada golongan orang Islam.

Ab. Aziz Mohd Zin (2001) menyatakan keperluan dakwah kepada orang Islam khususnya di Malaysia dilihat daripada sudut latar belakang sejarah bahawa keturunan Melayu telah menganut agama Hindu-Buddha sejak kira-kira abad ke-4. Kedatangan Islam ke Nusantara pula bermula kira-kira akhir abad ke-13 dan awal abad ke-14 lalu penduduk Malaysia kebanyakannya bertukar menganuti agama Islam. Namun, pengaruh kepercayaan dan budaya Hindu-Buddha masih sebatu dalam jiwa orang

Melayu. Sebagai contoh, orang Melayu masih memiliki kepercayaan kepada sesetengah haiwan, jin, hantu, penunggu, keramat dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, keperluan dakwah kepada orang Islam khususnya dalam isu penyelewengan amalan pengobatan Islam oleh sebahagian pengamal pengobatan perlu diberi perhatian.

Hasan Isa membahagikan orang yang memeluk Islam kepada empat golongan (Ab. Aziz Mohd Zin. 2001) seperti berikut:

- i. Golongan yang mengetahui tentang Islam dan yakin.
- ii. Golongan yang masih jahil tentang Islam.
- iii. Golongan yang lupa dan lalai.
- iv. Golongan yang sesat dan meraba-raba dan tersasul daripada Islam.

Manakala, Al-Bayanuni dalam Ab. Aziz Mohd Zin (2001), membahagikan orang Islam kepada tiga golongan seperti yang berikut:

- i. Golongan yang berlumba-lumba kepada kebaikan iaitu golongan yang bertakwa dan baik.
- ii. Golongan yang zalim kepada dirinya iaitu golongan yang fasik dan melakukan maksiat.
- iii. Golongan yang berada di tengah-tengah iaitu golongan yang lemah yang terangak-agak antara dua golongan di atas.

Selanjutnya, Imam al-Ghazali (1909) membahagikan sasaran dakwah kepada tiga golongan dan menentukan bagi setiap golongan dengan satu bentuk pendekatan dakwah iaitu:

- i. Golongan cerdik perlu didakwahkan dengan *burhan* (dalil dan bukti yang jelas) iaitu *hikmah*. Melalui penggunaan perangkaan, carta-carta, dalil-dalil dan hujah yang meyakinkan.
- ii. Orang awam perlu didakwahkan dengan *khitabah* iaitu *mau'izah al-ḥasanah* yang banyak menggerakkan sentimen dan semangat.
- iii. Golongan yang menentang di dalam akidah Islam, perlu didakwahkan melalui perdebatan dan dialog secara baik kerana *mau'izah* atau nasihat tidak dapat memberikan rasa yakin serta puas hati kepada mereka.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ إِذْنِ اللَّهِ ۗ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ

Maksudnya: Kemudian Kami jadikan Al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).

(Al-Qur'an. Fāṭir 35:32)

Oleh itu, terdapat tiga asas daripada sudut isi kandungan dakwah yang perlu dikemukakan kepada sasaran orang Islam (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001).

2.4.5 Isi Kandungan Dakwah Kepada Sasaran Orang Islam

2.4.5.1 Memperkukuh dan Memantapkan Pegangan Akidah

Akidah adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan ketuhanan, kerasulan, kitab-kitab, malaikat, hari akhirat dan hari kiamat. Menurut Jasni Sulong (2016), asas utama akidah yang dibina adalah kepercayaan hati kepada Allah SWT. Suntikan iman ini merupakan perkara terpenting di mana ia membezakan seorang yang beriman daripada yang munafik atau zindik. Begitulah seterusnya siri kepercayaan hati dalam rukun iman sehingga umat Islam benar-benar tunduk dan taat pada perintah dan larangan Allah SWT. Proses ini melalui pembelajaran atau mendalami ilmu agama (*tafaqquh fi al-din*) sehingga akhirnya mereka menambah iman kepada Allah SWT dan menjauhi syirik serta maksiat. Secara tidak langsung, akidah umat akan menjadi kuat dan tidak mudah diseleweng. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَيَّ رَسُولِهِ
وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ ۚ وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad, s.a.w), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.

(Al-Qur'an. An- Nisā' 4:136)

Daripada ayat tersebut, Allah menyatakan beberapa asas kepercayaan dalam akidah Islam iaitu berkaitan Allah, rasul-rasul, kitab-kitab, malaikat dan hari akhirat.

Allah juga memerintah agar umat Islam untuk menambah kepercayaan mereka terhadap asas-asas tersebut. Selain itu, Allah SWT berfirman:

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ ۗ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ
وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ ۗ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۗ غُفْرَانَكَ
رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Maksudnya: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya”. Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali”.

(Al-Qur'an. Al-Baqarah 02:285)

Ayat yang demikian, Allah menyeru agar umat Islam berpegang kepada akidah Islam dengan taat dan rela hati sepenuhnya.

2.4.5.2 Melaksanakan Tanggungjawab Syariat

Syariat adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan suruhan atau perintah Allah yang wajib dilakukan oleh semua umat Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengan larangan dan tegahan daripada Allah yang wajib ditinggal dan dijauhi oleh umat Islam. Perkara-perkara asas syariat iaitu yang wajib dilakukan oleh orang Islam adalah memahami konsep dua kalimah syahadat dengan betul, menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa dan menunaikan ibadah haji.

Sepertimana hadith Rasulullah SAW:

عَبْدُ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ - عَنْ أَبِيهِ، قَالَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " بُنِيَ
الإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ
الزَّكَاةِ وَحَجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ "

Maksudnya: Diriwayatkan daripada ‘Abdullah bin ‘Umar bahawa Rasulullah SWT bersabda: Islam dibina di atas lima perkara; mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadan.

(Hadith. Şahih Muslim. Kitāb al-Imaan: Bāb bayān arkan al-Islam wa’a’imihi al-i’zhami: Juz’ 1:#21)

Manakala, perkara-perkara asas berkaitan tegahan atau larangan Allah adalah seperti merosakkan agama melalui murtad, merosakkan diri atau nyawa melalui pembunuhan, merosakkan keturanan melalui zina, merosakkan harta benda melalui pencurian, merosakkan akal melalui minum arak dan beberapa perkara-perkara lain.

2.4.5.3 Menghayati Akhlak yang Luhur

Akhlak dikaitkan dengan tujuan dibangkitkan rasul terakhir untuk membina akhlak yang luhur. Sebagaimana hadith berikut:

عَنْ أَبِي صَالِحِ السَّمَّانِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّمَا بُعِثْتُ
لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

Maksudnya: Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”

(Hadith. Al-Bukhāriyy: al-Adab al-Mufrad: Kitāb hasan akhlāq: Juz’ 1:#273)

Oleh itu, menurut Baliq dalam Ab. Aziz Mohd Zin. (2001), antara akhlak-akhlak yang mulia adalah kesederhanaan, kebaikan budi pekerti, *tawadu’*, berilmu, bekerja, benar, menyempurnakan janji, amanah, tetap atas kebaikan, cekal hati, berani,

sabar, syukur, lemah lembut, mengharapkan kebaikan Allah, takutkan Allah, takwa, malu kepada Allah, memaafkan, bertolak ansur, kasih sayang, pemurah, mulia hati, berdisiplin, menjaga lidah, adil dalam perkataan dan perbuatan, memikirkan tentang kejadian Allah dan lain-lain lagi. Sebagaimana Allah menggariskan beberapa akhlak Islam seperti firman Allah dalam surah Al-Isrā' ayat 23-27.

Daripada ayat tersebut, Allah menggariskan beberapa akhlak mulia seperti hanya menyembah Allah, berbuat baik kepada ibu bapa, bercakap mulia dengan ibu bapa, mendoakan ibu bapa, baik dan bersih hati, kembalikan hak-hak anak yatim, bersimpati terhadap golongan miskin dan orang dalam perjalanan, tidak membazir, tidak kedekut, tidak boros dan lain-lain akhlak mulia (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001).

Oleh yang demikian, tiga asas daripada sudut isi kandungan dakwah yang perlu dikemukakan kepada sasaran orang Islam hendaklah disesuaikan dengan keperluan sasaran iaitu mengikut kategori golongan umat Islam yang telah dibincangkan.

2.4.6 Medium Dakwah Mencegah Kemungkaran

Dakwah berfungsi sebagai medium mencegah isu penyelewengan amalan pengubatan Islam di Malaysia yang memberi kesan kepada agama iaitu akidah umat Islam sekiranya isu ini tidak ditangani dan dicegah. Oleh itu, penyelewengan amalan pengubatan Islam yang dilakukan oleh sebahagian pengamal pengubatan menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini bertepatan dengan konsep dakwah mencegah kemungkaran.

Sa'id Hawwa (2009) menerusi karya *Kay la Namdi Ba`idan `an Ihtiyajat al-`Asr* merungkai dalil daripada surah Ali-Imran ayat 104 yang menunjukkan kewajipan individu muslim melakukan *amr ma`rūf nahy munkar*. Firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ؕ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

(Al-Qur'an. Āli-'Imrān 3:104)

Ayat al-Quran di atas menunjukkan bahawa menyahut seruan dakwah dengan melakukan *amr ma`rūf nahy munkar* adalah kunci kejayaan setiap individu muslim. Menurut Sa'id Hawwa, penggunaan kalimah “أُمَّةٌ” dalam ayat di atas memberikan dua maksud. Pertama, ia bertujuan untuk menjelaskan (للبَيَانِ), maka tafsiran ayat di atas membawa maksud bahawa wajib kepada setiap umat manusia melaksanakan *amr ma`rūf nahy munkar* dan ia merupakan fardu ain.

Kedua, menunjukkan kepada makna sebahagian (للتَّبَعِيضِ). Oleh itu, perintah ayat terbabit difokuskan kepada sebahagian umat Islam bagi melaksanakan *amr ma`rūf nahy munkar* melalui *waṣīlah* jemaah, dan hal ini menjadi tuntutan bersama umat Islam atau fardu kifayah.

Sementara maksud “*al-khayr*” (الْحَيْر) dalam ayat di atas menurut beliau ialah al-Quran dan al-Sunnah, manakala “*al-ma’ruf*” (المَعْرُوف) pula ditafsirkan sebagai apa-apa yang baik pada landasan syarak dan juga baik pada lingkungan akal yang dibatasi oleh syarak, termasuk juga apa-apa yang bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah.

Seterusnya, kalimah “*al-munkar*” (الْمُنْكَر) pula ditafsirkan oleh beliau sebagai apa-apa yang bertentangan dengan syarak atau bertentangan pada akal yang dilandasi oleh syarak, atau bertentangan dengan al-Quran dan sunnah. *Al-munkar* juga ditafsirkan oleh beliau sebagai maksiat, atau perkara-perkara yang makruh dan haram. Justeru, kejayaan yang sempurna bakal digapai bagi mereka yang menyeru kepada kebaikan dan melakukan *amr ma’ruf nahy munkar*.

Seterusnya, firman Allah SWT di dalam al-Quran berkaitan tuntutan *nahy munkar*, sebagaimana berikut:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۖ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Qur’an. At- Tawbah 9:71)

Selain itu, Allah SWT berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ۗ وَلَوْ
آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ۚ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

(Al-Qur'an. Āli-‘Imrān 3:110)

Menurut Mohd Hanafiah & Osman (2022) menyatakan bahawa terdapat enam belas kata *al-Munkar* di dalam al-Quran. *Al-Munkar* ialah setiap perbuatan yang baik atau buruk bagi akal tetapi agama memandangnya buruk. Ada yang berpendapat bahawa maksud *al-Munkar* berlawanan dengan *al-Ma'ruf*. *Al-Ma'ruf* maksud suatu perbuatan yang dikenali sebagai suatu ketaatan dan pendekatan diri kepada Allah serta berbuat baik kepada manusia dan mencakupi setiap perbuatan yang dicintai Allah berupa iman dan amal soleh. *Al-Ma'ruf* ialah semua kebaikan yang dikenal oleh jiwa manusia dan membuat hatinya tenang sedangkan *munkar* ialah lawan daripada *ma'ruf* iaitu derhaka. Oleh itu, perbuatan *munkar* ialah perbuatan yang menyuruh kepada keburukan.

Menurut Ibn Hajar dalam Al-Sabt (1995) menyatakan bahawa *munkar* itu adalah ingkar kepada suruhan Allah dan kerana itulah maksiat dianggap perkara *munkar* kerana orang beriman tidak melakukan maksiat. Sekiranya seseorang melakukan maksiat, bermaksud dia telah mengingkari Allah SWT. Oleh itu, *munkar* adalah lebih umum daripada maksiat iaitu *munkar* adalah larangan dalam syarak.

Hamman Said (2013) pula menyatakan *munkar* adalah sesuatu yang diingkari oleh manusia dan dibenci daripada perkara yang dilarang oleh syarak. Mencegah kemungkaran bermakna berani untuk bertembung, mengalahkan lawan serta semangat mencabar dan membela. *Nahy munkar* adalah lebih berbahaya dan lebih sukar daripada mengajak kepada kebaikan.

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001), terdapat beberapa pandangan ulama' berkaitan *amr ma'rūf nahy munkar* yang telah dikemukakan dalam karyanya 'Metodologi Dakwah'. Antaranya pandangan daripada Syeikh Ali Makhfudh dalam kitabnya *Hidayah al-Mursyidin*, menyatakan dakwah adalah "mendorong manusia untuk berbuat kebajikan dan mengikut petunjuk (agama), menyeru mereka kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada perbuatan *munkar* agar memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat". Rasulullah SAW juga menyeru setiap yang beriman untuk mencegah kemungkaran. Sebagaimana hadith berikut:

عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ، - وَهَذَا حَدِيثُ أَبِي بَكْرٍ - قَالَ أَوَّلُ مَنْ بَدَأَ بِالْخُطْبَةِ يَوْمَ الْعِيدِ قَبْلَ الصَّلَاةِ مَرْوَانُ فَقَامَ إِلَيْهِ رَجُلٌ فَقَالَ الصَّلَاةُ قَبْلَ الْخُطْبَةِ . فَقَالَ قَدْ تَرَكَ مَا هُنَالِكَ . فَقَالَ أَبُو سَعِيدٍ أَمَا هَذَا فَقَدْ قَضَى مَا عَلَيْهِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْبِرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ " .

Maksudnya: Marwan memulakan (amalan) menyampaikan khutbah (alamat) sebelum solat pada hari 'Id. Seorang lelaki berdiri dan berkata: Solat hendaklah mendahului khutbah. Beliau (Marwan) berkata, Ini (amalan) telah dihapuskan. Maka Abu Sa'id berkata: Orang ini telah melaksanakan (kewajipannya) yang dibebankan kepadanya. Aku mendengar Rasulullah bersabda: Sesiapa di antara kamu melihat sesuatu yang keji, hendaklah ia mengubahnya dengan bantuan tangannya; dan jika dia tidak cukup kekuatan untuk melakukannya, maka hendaklah dia melakukannya dengan lidahnya, dan jika dia tidak cukup kekuatan untuk

melakukannya, (walaupun) hendaklah dia (membenci) dari hatinya, dan yang demikian itu paling sedikit daripada iman.

(Hadith. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Imaan: Bāb bayān kauni an-nahi an al-munkār, min al-imān wa'an al-imān yazidu wa yanquṣu wa'an al-amr bi al-ma'rūf wa an-nahi an al-munkār wajiban: Juz' 1:#84)

Melalui hadith tersebut, Hammam Said (2013) menyatakan bahawa mencegah kemungkaran dengan tangan adalah melalui kerajaan Islam dan pemimpin Islam serta individu muslim dalam beberapa keadaan yang mereka berupaya untuk mencegahnya.

Menurut Al-Dimasqi (2011), Imam Al-Ghazali menetapkan tiga syarat dalam mencegah kemungkaran. Pertama, perbuatan tersebut hendaklah benar-benar kemungkaran yang jelas larangannya daripada segi hukum syarak. Kedua, kemungkaran yang dilakukan tersebut adalah disaksikan secara jelas bukan mengintip atau sengaja mencari kesalahan. Ketiga, adalah kemungkaran yang diketahui itu adalah tanpa ijtihad kerana apabila wujud *ijtihad* maka tidak perlu diperselisihkan. Oleh yang demikian, yang wajib diingkari adalah perkara yang disepakati larangannya.

Selanjutnya, terdapat beberapa peringkat dalam mencegah kemungkaran (Al-Dimasqi, 2011), sepertimana berikut:

- i. Memberi penjelasan iaitu menjelaskan apa yang ditegah dalam perbuatan tersebut kerana perbuatan *munkar* itu mungkin dilakukan tanpa mengetahuinya atau kerana kebodohnya. Penerangan mestilah bermula dengan lemah lembut, ramah tamah dan tanpa kekerasan supaya boleh menyebabkan perkara *munkar* itu ditinggalkan.

- ii. Memberi nasihat dengan cara *targhib* (meransang dengan ganjaran) dan *tarhib* (menakutkan dengan azab) dengan kasih sayang, belas kasihan dan rahmat.
- iii. Melarang dengan nada kekerasan dan paksaan tetapi menghindari cara yang kasar dan tidak sopan serta menjauhi perkataan maki dan penghinaan. Tetapi cara ini tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa dan perkataan yang digunakan mestilah ringkas dan benar.
- iv. Melarang dengan menggunakan kuasa sebagai usaha terakhir. Bagi rakyat, mereka berhak menggunakan tangan dengan kadar mereka tetapi bagi kerajaan dan pemerintah adalah menggunakan undang-undang mahupun kekerasan tenaga.

Sehubungan itu, isi kandungan dakwah hendaklah bersesuaian dengan sasaran dakwah dan *manhaj* dakwah. Sebagaimana asas metodologi dakwah yang dijelaskan oleh Ab. Aziz Mohd Zin (2001) seperti yang berikut:

2.4.6.1 Dakwah Melalui *Uslūb*

Dari sudut bahasa, menurut Ibn Manzur (1990) dalam *Lisan al-'Arab, uslūb* dimaksudkan sebagai *tariq mumtadd* iaitu jalan yang terbentang, *al-tariq* (jalan), *al-wajh* (bentuk), dan *al-madhab* (aliran). Ia juga membawa erti *al-fann* iaitu seni atau kemahiran dalam berkomunikasi.

Selain itu, *Al-Mu'jam al-Wasit* (1985) pula, selain daripada makna jalan, *uslūb* juga membawa maksud sebagai *al-fann* iaitu seni.

Perkataan *uslūb* juga digunakan dalam Bahasa Melayu. Menurut Kamus Dewan (2005), *uslūb* bererti kaedah atau cara; iaitu sama seperti perkataan metode. Oleh itu, Kamus Dewan melihat *uslūb* dan metode sebagai dua perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama.

Daripada segi istilah, Muhamad Faisal Ashaari, et al., (2020), menyatakan bahawa *uslūb* dakwah bermaksud cara menyampaikan dan menyebarkan dakwah. Dalam kajiannya, beliau juga menyatakan bahawa para sarjana kelihatan lebih membincangkan *uslūb* kepada aspek pelaksanaan dakwah dan seni dalam menyampaikan dakwah.

Menurut Abu Faris (1992), *uslūb* adalah jalan yang diambil untuk para pendakwah menyampaikan apa yang ada dalam fikiran mereka kepada para sasaran (*mad'u*). Seterusnya, *uslūb* adalah seni-seni dalam berdakwah (Jarishah, 1986).

Al-Bayanuni (1993) pula menyatakan bahawa *uslūb al-da'wah* adalah cara pendakwah mengimplementasikan *manhaj al-da'wah*.

Oleh yang demikian, *Uslūb al-da'wah* ialah pendekatan untuk melaksanakan gerak kerja dakwah sementara *manhaj al-da'wah* ialah suatu cara yang umum untuk melaksanakan dakwah yang ditentukan berdasarkan kepada sasaran dakwah (Muhamad Faisal Ashaari, et al., 2020). Hal ini sebagaimana berdasarkan firman Allah SWT:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَادِهُمْ بِالنِّبَاتِي هِيَ أَحْسَنُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik;

sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(Al-Qur'an. An-Nahl 16:125)

Oleh itu, pendekatan dakwah melalui *uslūb* adalah seperti yang berikut:

i. Al-hikmah

Sayyid al-Qutb (1977), memberi penjelasan bahawa *hikmah* melihat kepada keadaan sasaran dan suasana mereka, kadar yang perlu supaya tidak memberatkan mereka dan tidak menyusahkan mereka sebelum mereka bersedia. Hal ini juga termasuk cara penjelasan dan kepelbagaian mengikut keperluan dan tidak sesekali berdasarkan semangat yang boleh terkeluar daripada *hikmah*.

Al-Bayanuni (1993) menjelaskan bahawa *hikmah* dalam dakwah ialah suatu *uslūb* yang sesuai dengan keadaan sasaran iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya. *Uslūb hikmah* terdapat pada beberapa perkara seperti yang berikut untuk disesuaikan dengan sasaran:

- i. Pemilihan isi atau pendekatan isi.
- ii. *Uslūb* dengan makna khusus atau bentuk persembahan isi.
- iii. Pemilihan saluran atau media.

Selain itu, Ab. Aziz Mohd Zin (2001) menyatakan bahawa *hikmah* bermaksud bijaksana. Bijaksana bermaksud sesuatu yang sesuai. Manakala, sesuai pula bergantung kepada keadaan. Hal ini kerana, sesuatu tindakan boleh jadi sesuai bagi seseorang, tetapi tidak sesuai dengan orang lain. Begitu juga, boleh jadi sesuai bagi

sesuatu masa, tetapi tidak sesuai dengan masa lain. Oleh itu, *hikmah* sangat berkait rapat dengan keadaan untuk menentukan kesesuaian.

Menurut Muhamad Aiman Kamarudin (2019), kaedah dakwah *al-hikmah* memberi maksud bijaksana, akal budi yang mulia, dada yang lapang, hati yang bersih, dan menarik perhatian orang kepada agama atau Tuhan. Dakwah *al-hikmah* juga merupakan kemampuan seorang *da'i* dalam memilih, menyemak dan menyelaraskan teknik dakwah bergantung kepada objektif sesuatu benda. *Al-hikmah* memainkan peranan yang sangat penting dan menentukan berjaya atau gagal sesebuah dakwah itu. Kebolehan seorang *da'i* untuk memberi dakwah melalui pelbagai peringkat dari segi pendidikan, sosial, budaya dan lain-lain. Hal ini kerana, melalui pemikiran atau taraf dakwah yang betul, *da'i* dapat menghayati atau dapat merenungkan perkara yang disampaikan. Melalui kebijaksanaan dalam sektor dakwah akan memberi hasil kemahiran dan kebijaksanaan dalam menerapkan kaedah propaganda.

Oleh yang demikian, *uslub* dakwah *hikmah* memberi maksud yang luas daripada segala usaha dan cara iaitu sesuatu tindakan yang bijaksana berdasarkan kesesuaian sasaran dalam mempengaruhinya (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001).

ii. **Nasihat yang Baik (*Mau'izah Al-Hasanah*)**

Mau'izah berasal daripada kata dasar *Wa'az*, *al-Wa'azu* ertinya memberi nasihat dan peringatan terhadap akibat yang tidak baik (Syed Abdurahman Syed Hussin, 1996). Menurut Ibn Kathir memberi nasihat yang baik ialah dengan menyatakan segala tegahan yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah serta memberi peringatan terhadap kejadian yang pernah menimpa manusia dengan mengingatkan

orang ramai tentang kejadian tersebut supaya mereka sentiasa beringat tentang balasan Allah (Ibn Kathir, 1999).

Seterusnya, menurut Mahmud al-Alusi dalam Syed Abdurahman Syed Hussin (1996) menyatakan bahawa *mau'izah al-ḥasanah* ialah percakapan yang memberikan kepuasan serta susunan kata-kata yang bermanfaat yang tidak tersembunyi kepada orang yang didakwahkan bahawa pendakwah bertujuan memberi nasihat dengan kata-kata tersebut.

Sayyid al-Qutb (1980), pula mengatakan *mau'izah al-ḥasanah* ialah cara masuk ke dalam hati dengan lemah lembut, menyelami perasaan secara halus, bukan dengan mengherdik, bukan juga dengan mencela dalam perkara-perkara yang tidak wajib dicela, bukan dengan membuka tembelang kesalahan yang kadang-kadang berlaku dengan sebab kejahilan atau dengan niat yang baik. Sesungguhnya lemah lembut dalam memberi nasihat dapat memberi hidayah kepada banyak hati-hati yang jahat, menjinakkan hati-hati yang liar yang membuahkan hasil yang lebih baik daripada menggunakan kata-kata kasar, celaan dan cacian.

Komunikasi dengan menggunakan kata-kata yang baik merupakan suatu kaedah dakwah yang berkesan, baik dan sesuai digunakan dalam banyak situasi dan terhadap pelbagai golongan sasaran dakwah. Hal ini wajar dilaksanakan oleh umat Islam dengan cara yang baik dan berhikmah sepertimana yang diajarkan oleh para nabi-nabi terdahulu. Kata-kata nasihat para nabi dalam al-Quran perlu diperhatikan dengan teliti untuk dikutip unsur-unsur kekuatan yang ada di dalam kata-kata nasihat itu, termasuk juga isi kandungan, gaya bahasa dan lain-lain (Mokhtar, S. et al., 2021).

Nasihat yang baik bermaksud kata-kata yang diucapkan secara halus, lembut, tenang dan boleh menyejukkan hati kerana ikhlas serta jauh daripada menyinggung

mana-mana pihak. Tujuan nasihat tersebut adalah untuk kebaikan dan semata-mata menjaga kepentingan sasaran untuk masa depan di dunia dan akhirat (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001).

Al-Bayanuni (1993) menyenaraikan beberapa bentuk kata-kata yang termasuk dalam *mau'izah al-ḥasanah* iaitu nasihat yang baik seperti berikut:

- i. Kata-kata yang berterus-terang dengan nada yang lembut dan halus.
- ii. Penjelasan yang lembut dan mudah difahami.
- iii. Suatu kiasan yang beradab.
- iv. Berbentuk cerita dan jenaka.
- v. Mengingati nikmat-nikmat yang boleh membawa kepada kesyukuran kepada Allah.
- vi. Penjelasan tentang pujian dan celaan daripada Allah.
- vii. Targhib iaitu ransangan baik daripada Allah dan Tarhib iaitu janji-janji buruk daripada Allah.
- viii. Penjelasan tentang janji-janji Allah dengan kemenangan dan kekuatan.
- ix. Penerangan supaya tahan diuji dan sabar.

Di samping itu, penekanan daripada sudut isi kandungan dakwah pula berkaitan akidah, syariat dan akhlak juga melalui pendekatan dakwah *mau'izah al-ḥasanah*. Oleh itu, pendekatan *mau'izah al-ḥasanah* hendaklah menggunakan bahasa dan perkataan yang baik. Justeru, pendakwah hendaklah membekalkan diri mereka dengan kemahiran berkomunikasi. Kemahiran berkomunikasi seperti bertutur dengan fasih, lancar dan teratur serta menggunakan laras bahasa yang sistematik kerana ini menunjukkan keyakinan seseorang mengenai perkara yang sedang diperkatakannya.

Selain itu, bercakap dengan lemah lembut dapat menghindarkan seorang Muslim itu daripada melakukan sesuatu yang sia-sia seperti bergurau senda yang berlebihan, melakukan penghinaan serta ejekan. Bercakap dengan lemah lembut merupakan satu lagi prinsip komunikasi yang dapat memberikan impak yang sangat mendalam dan akan meninggalkan kesan ke dalam jiwa pendengarnya (Mokhtar, S. et al., 2021).

iii. Perdebatan yang Baik (*Mujadalah*)

Menurut Syed Abdurahman Syed Hussin (1996), debat (*jadal*) daripada sudut bahasa membawa erti perseteruan dan permusuhan yang kuat. Perkataan *al-Jadl* yang bererti tali yang tersimpul kuat. *Mujadalah* adalah nama bagi perbuatan *jadal*. Dalam ilmu perdebatan *jadal* ialah perdebatan bukan dengan tujuan untuk menzahirkan kebenaran bahkan untuk mengalahkan lawan. Sepertimana dalam firman Allah SWT, manusia adalah makhluk yang paling banyak membantah:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ ۚ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam Al-Quran ini untuk umat manusia, dari segala jenis contoh bandingan; dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya.

(Al-Qur'an. Al-Kahf 18:54)

Selain itu, firman Allah SWT:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُنِيرٍ

Maksudnya: Dan ada di antara manusia yang membantah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan tidak berdasarkan sebarang keterangan, dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran;

(Al-Qur'an. Al- Hajj 22:8)

Walau bagaimanapun penggunaan *jadal* (debat) dalam al-Quran adalah dengan erti dialog (*Muhawarah*), kerana bertujuan mencari kebenaran. Oleh itu, ia dikaitkan dengan perkataan atau cara yang lebih baik (Ali Jarisyah, 1989).

Ibn Kathir (1999) pula menyatakan bahawa *mujadalah* ialah perdebatan (*munazarah*). Oleh itu sesiapa di kalangan mereka yang berhajat kepada perdebatan maka hendaklah dengan cara yang baik, lemah lembut dan percakapan yang elok.

Ab Aziz Mohd Zin (2001) menyatakan bahawa *mujadalah* hendaklah dilakukan dengan menjaga adab-adab supaya tidak menjatuhkan dan memburukkan mana-mana pihak yang terlibat. Tujuan *mujadalah* hendaklah semata-mata untuk mencari kebenaran. *Mujadalah* atau perdebatan yang dianjurkan oleh al-Quran perlu memenuhi beberapa syarat antaranya ialah berdialog dengan penuh lembut, halus dan sapaan yang sopan. Malah, dialog yang diadakan itu hendaklah bermatlamat bagi menegakkan kebenaran Islam, membatalkan hujah-hujah musuh dengan idea-idea yang bernas dan benar juga memelihara kesucian maruah Islam (Mokhtar, S. et al., 2021).

Ab. Aziz Mohd Zin (2001) menjelaskan pendapat Al-Bayanuni bahawa perbincangan atau perdebatan yang baik mempunyai keistimewaan tertentu, antaranya ialah:

- i. Ia berasaskan kepada ilmu dan pengetahuan yang mantap. Sekiranya tiada, tidak boleh dilakukan dengan pendekatan ini.
- ii. Mengemukakan alasan yang jelas dan hujah yang kukuh kepada sasaran untuk menyampaikan kebenaran Islam.
- iii. Mendapat impak yang pelbagai seperti kepuasan fikiran menerima hujah pihak lawan, menyuburkan intelektual, menghilangkan sifat taksub dan ikutan membabi buta tanpa mengetahui kebenaran.

Seterusnya, pendekatan *mujadalah* perlu bersesuaian dengan keadaan sasaran. Sebagai contoh, sekiranya sasaran adalah golongan ketiga yang disebut oleh Al-Ghazali iaitu golongan yang menentang akidah Islam, perlu didakwahkan melalui perdebatan dan dialog secara baik kerana pendekatan melalui nasihat yang baik tidak dapat memberikan rasa yakin serta rasa puas hati kepada mereka (Al-Ghazali, 1909).

Golongan yang menentang dan berbantah dengan kebatilan dengan tujuan untuk menolak kebenaran kerana dikuasai oleh *taqlid* kepada pegangan datuk nenek serta akidah kebatilan yang telah bertapak dengan kuat di dalam hati sehingga tertutup daripada dimasuki oleh cahaya kebenaran dan iman. Oleh itu, golongan ini hendaklah didakwahkan dengan menggunakan pendekatan *mujadalah*. Pendekatan ini hendaklah dimulakan dengan mengadakan hubungan peribadi melalui pengenalan. Seterusnya, diikuti dengan membangunkan fitrah keimanan yang tersembunyi dalam jiwa sasaran (Ulwan, 1986).

2.4.6.2 Dakwah Melalui *Waṣīlah*

Dari sudut Bahasa, *Lisan Al-'Arab* mendefinisikan *waṣīlah* sebagai suatu perantaraan untuk melakukan sesuatu kerja (Ibn Manzur, 1990).

Sementara itu, menurut Kamus Dewan (2005), perkataan *waṣīlah* membawa maksud ikatan, perhubungan, pertalian. Ia mempunyai makna yang sedikit berbeza tetapi ada juga kaitan dengan definisi yang diberikan oleh kamus Arab. Dari sudut istilah pula, *waṣīlah* dakwah merupakan suatu alat atau medium untuk menyokong kerja-kerja dakwah.

Ali Jarishah (1986) mendefinisikan '*wasail al-da'wah*' sebagai satu medium atau alat untuk melaksanakan usaha dakwah. Beliau menegaskan, *al-da'wah* adalah matlamat, manakala *manhaj* pula adalah strategi untuk mencapai matlamat. *Uslūb* pula adalah strategi dan *waṣīlah* sebagai alat atau medium untuk melaksanakan strategi tersebut.

Burghuth (2005) pula mendefinisikannya sebagai alat, bahan, benda atau teknologi yang boleh digunakan untuk menyampaikan mesej-mesej Islam.

Menurut Muhamad Faisal Ashaari, et al., (2020) beliau menyimpulkan bahawa kebanyakan sarjana mendefinisikan *waṣīlah* sebagai aspek teknikal yang digunakan untuk mencapai atau menolong untuk mencapai *manhaj al-da'wah*. Manakala, terdapat sebahagian sarjana mendefinisikan *waṣīlah* dalam bentuk yang lebih umum. Sebagai contoh, al-Bayanuni (1993) mengatakan ia suatu bentuk pertolongan bagi memudahkan *da'i* melaksanakan metode-metode dakwah sama ada nampak atau tidak. Beliau membahagikan *wasail* kepada dua iaitu tidak nampak (*al-ma'nawiyah*) seperti pendekatan lembut dan nampak (*al-madiyyah*) seperti televisyen dan internet. Oleh yang demikian, *waṣīlah* tidak terhad kepada aspek alat dan teknologi sahaja.

Dengan ini, ia boleh meliputi ceramah, syarahan, penganjuran pertandingan bola sepak dan media baharu.

Waṣīlah meliputi medium, wahana dan alat teknologi yang membantu pelaksanaan sesuatu usaha dakwah yang bersifat *tangible* atau *al-madiyyah* iaitu aspek yang boleh dilihat oleh manusia (Muhamad Faisal Ashaari, et al., 2020). Oleh itu, pendekatan dakwah melalui *waṣīlah* adalah seperti yang berikut:

i. Penguatkuasaan Undang-Undang

Pemeliharaan akidah Islam adalah perkara utama bagi setiap penganut agama Islam. Menurut Abdul Hadi Awang (1991), Islam sebagai agama akidah yang menuntut satu tugas besar untuk menyebarkannya dalam kalangan masyarakat iaitu melalui dakwah dan jihad. Berdasarkan jihad, kedaulatan dan kesucian akidah Islam dipelihara daripada diruntuhkan oleh musuh-musuh Islam.

Oleh yang demikian, tugas untuk memelihara akidah bukan semata-mata fardu ain ke atas individu, malah juga adalah fardu kifayah yang turut melibatkan masyarakat dan negara. Hal ini kerana, kandungan Islam adalah *nizam* atau peraturan yang mengatur kehidupan manusia melalui perintah dan larangan yang telah ditetapkan. Justeru, para pemerintah (*umara'*) dan ulama mempunyai tugas berat dalam memastikan penganut agama sentiasa patuh dan taat pada akidah Islam.

Menurut Jasni Sulong (2016), menyatakan bahawa peranan ulama dan pemerintah bukan sahaja menyuruh melakukan perkara yang baik (*al-amr bi al-ma'ruf*), malah mesti melarang manusia daripada melakukan kemungkaran (*wa al-*

nahy 'an al-munkar) dan syirik (*al-syirk*). Di samping itu, menjaga agama (*hifz al-din*) daripada kepercayaan yang salah dan sesat.

Seterusnya, Sa'id Hawwa (2009) turut menyatakan bahawa ulama bertanggungjawab memberi peringatan (*inzar*) dan menakutkan (*takhwif*) manusia dengan ancaman azab berkaitan soal agama dan penjagaan iman. Menurutnya, persoalan keimanan dan akidah bukan sahaja tamat setelah seseorang menganut agama Islam, tetapi ia hendaklah sentiasa dipupuk dari semasa ke semasa bagi memastikan kemantapan akidah Islam dalam kehidupan seseorang Muslim. Sebagaimana Allah SWT berfirman:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya: Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

(Al-Qur'an. Ali-Imran 3:85)

Demikian pula, Imam al-Syatibi (1975) menyatakan bahawa kepentingan menjaga akidah adalah sama dengan menjaga agama. Oleh itu, perkara tersebut perlu dilandaskan dengan penguatkuasaan peraturan, memberi amaran dan jaminan tertentu serta memulihkan perkara-perkara yang menggugat kesucian akidah Islam terhadap masyarakat dan individu.

Dalam konteks Malaysia, menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), Islam mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Sebelum merdeka, agama Islam sudah pun lama bertapak di negeri-negeri Melayu seperti Johor dan Terengganu. Hal ini termaktub dalam Perkara VII

Perlembagaan Negeri Johor 1895 dan peruntukan Bab 51 Perlembagaan Negeri Terengganu 1911 (Shamrahayu A. Aziz, 2018).

Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia merujuk kepada Perkara 3(1). Kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia sangat penting dan istimewa. Oleh itu, Masyarakat bukan Islam perlu menghormati kedudukan Islam di Malaysia kerana undang-undang di Malaysia memberikan kebebasan kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan agama mereka dalam keadaan aman dan damai (Mastura Abd Wahab et al., 2022).

Menurut Abdul Aziz Bari (2008) pula, ungkapan 'Islam sebagai agama rasmi' atau 'Islam sebagai agama persekutuan' meletakkan agama Islam sebagai suatu nilai yang sangat tinggi, serta perlu diberi keutamaan dan tidak boleh dikecualikan sama sekali. Hal ini sejajar dengan maksud rasmi itu sendiri iaitu sesuatu yang disahkan oleh negara atau perlembagaan.

Peruntukan-peruntukan bagi Islam sebagai agama Persekutuan menurut Perkara 3 di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 (Perlembagaan Persekutuan Terjemahan, 2010) adalah seperti berikut:

- i. Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Perkara ini juga jelas menunjukkan bahawa Malaysia turut menjamin kebebasan beragama menurut Perkara 11(1). Hal ini bertujuan bagi menjamin kedudukan orang bukan Islam serta menjamin perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia.
- ii. Di dalam tiap-tiap negeri selain negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam di negerinya mengikut cara dan

setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu dan tertakluk kepada Perlembagaan itu segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai ketua agama Islam tidaklah tersentuh dan tercatat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

- iii. Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai ketua agama Islam di negeri itu.
- iv. Tiada apa-apa jua dalam perkara itu mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini. Hal ini merupakan satu pendekatan untuk memastikan hak-hak sivil orang bukan Islam kekal terjamin bagi mengelakkan kekusaran mereka semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Walau bagaimanapun, apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam (Shamrahayu A. Aziz, 2018).

Selain itu, bagi mengawal hal ehwal agama Islam di bawah Peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang dikuatkuasa mengikut negeri masing-masing. Sepertimana Seksyen 3, Pemujaan Salah dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor menyebutkan kesalahan (1) Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. (2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan (Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, 1997).

Setiap peruntukan dan undang-undang adalah bersifat kabur dan samar supaya pemahamannya boleh difahami bergantung bagaimana cara ia ditafsirkan. Antara tujuannya adalah bagi membuka ruang agar ia kekal relevan mendepani cabaran dan isu-isu semasa. Seandainya ia digubal secara spesifik, maka ia lebih sesuai dalam keadaan tersebut sahaja. Hal ini tentu menyukarkan perjalanan proses perundangan kerana ia mendorong kepada pindaan demi pindaan. Tidak hairanlah didapati bahawa pindaan jarang dilaksanakan melainkan jika tiada undang-undang khusus untuk menanganinya. Selagi undang-undang sedia ada mampu diimplimentasikan ke atasnya, maka tiada keperluan kepada penggubalan undang-undang baharu (Zul-Kifli, H. & Nurain, A. H., 2022).

Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa agama Islam adalah agama rasmi di Malaysia. Oleh itu, kepentingan pemeliharaan akidah bukan sahaja terletak pada individu Muslim dan masyarakat Islam, bahkan juga tanggungjawab pemerintah. Pemerintah mempunyai kuasa dalam menetapkan undang-undang dan mengawal selia hal ehwal berkaitan agama Islam. Hal demikian adalah sebagai jihad dan senibungan perjuangan Rasulullah SAW yang melalui pelbagai ujian, rintangan dan tentangan dalam menyebarkan akidah Islam. Selapas itu, perjuangan diteruskan oleh para sahabat, *tabi'in*, ulama terdahulu sehingga kini.

ii. Saluran dan Media

Saluran dan media dijelaskan oleh Tuan Iskandar dalam Ab. Aziz Mohd Zin (2001) adalah sebagai medan atau gelanggang. Sepertimana medan peperangan adalah hutan, lautan atau angkasa. Manakala, gelanggang permainan pula seperti studio atau padang. Maka, medan atau gelanggang kewartawanan ialah seperti akhbar, majalah, risalah, radio, televisyen, komputer, audio, video, cekera padat, multimedia, internet dan sebagainya.

Selain itu, saluran dan media dalam bahasa Arab adalah daripada kalimah *wasīlah*. Hal ini demikian sepertimana yang disebut oleh al-Sayyid Nawfal dalam Ab. Aziz Mohd Zin (2001) yang menyatakan bahawa *wasīlah* ialah jalan untuk menyampaikan persembahan isi kandungan dakwah kepada sasaran yang diolah melalui pelbagai bentuk serta terkandung melalui pelbagai media perhubungan. Al-Bayanuni (1993) membahagikan *wasīlah* kepada dua bahagian iaitu:

- i. Perkara-perkara yang mempengaruhi sasaran yang berbentuk *ma'nawi* iaitu mencakupi hal-hal yang bersangkutan dengan hati, pemikiran dan akhlak.
- ii. Perkara-perkara yang mempengaruhi sasaran yang berbentuk fizikal yang mencakupi gerak kerja dan alat-alat saluran yang digunakan seperti radio dan masjid.

Oleh itu, saluran atau media merupakan alat untuk menyampaikan isi atau mesej dakwah kepada sasaran. Isi dakwah dipersembah dalam pelbagai bentuk. Menurut Safwan Razali & Zubir Idris (2018), mesej dakwah boleh disampaikan melalui pelbagai medium, antaranya ialah penggunaan bahasa Pengkajian, percakapan, tayangan dan sebagainya. Kepelbagaian medium ini juga merupakan satu wahana bagi memastikan khalayak pembaca atau pendengar memahami peranan dan fungsi setiap individu atau kelas dalam masyarakat. Menurutnya, peranan bahasa dalam menyampaikan dakwah adalah suatu yang sangat penting dan tidak boleh dipertikaikan. Sebagai contoh, dakwah yang disampaikan melalui puisi dan sajak untuk menyebarkan dakwah Islamiah (Noraini Mohamad & Mariam Abdul Majid, 2019).

Menurut Muhammad Khair Ramadan dalam Ab. Aziz Mohd Zin (2001), dakwah masa kini boleh disalurkan melalui pelbagai saluran dan media, perkembangan baru dalam teknologi maklumat menambahkan lagi media informasi yang boleh digunakan untuk penyaluran isi dakwah kepada sasaran. Alat-alat yang baru dalam teknologi penyaluran maklumat memberi kesan yang besar kepada pemikiran umat manusia masa kini. Antara saluran dan media yang boleh digunakan adalah:

a. Media Tradisional

Media tradisional terdiri daripada pelbagai bentuk. Antaranya ialah hubungan peribadi iaitu komunikasi antara dua hala yang mudah memberi kefahaman kepada sasaran kerana wujudnya hubungan dua hala yang senang dilakukan untuk menghilangkan sebarang kekeliruan terhadap sesuatu perkara. Kedua, melalui khutbah yang disampaikan kepada para jemaah masjid. Ketiga, melalui Pengkajian atau kiriman surat kepada sasaran dakwah. Keempat, melalui masjid, surau, madrasah atau sebagainya masih dijadikan tempat untuk menaburkan pengajaran Islam. Ia dilakukan sama ada, dalam bentuk kuliah, syarahan, ceramah, tempat mengajar kanak-kanak dan lain-lain. Kelima, melalui institusi pendidikan seperti sekolah agama dan pusat-pusat pengajian tinggi Islam. Keenam, melalui perhimpunan dan akhir sekali melalui pendakwah (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001).

b. Media Cetak

Media cetak menurut Dewan Bahasa dan Pustaka ialah satu sistem atau alat komunikasi manusia yang terdiri daripada simbol-simbol atau tanda-tanda yang ditulis pada sesuatu benda yang mempunyai maksud tertentu, seperti buku, majalah, risalah, surat khabar dan sebagainya. Media cetak merupakan alat sebaran am tertua di dunia yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Walaupun kelahirannya sudah cukup lama, ia tetap mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia. Malah, pengeluaran buku dan penerbitan akhbar adalah media cetak yang terawal di Malaysia (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001). Justeru, pengaruh media cetak sangat besar

dalam penyebaran maklumat kepada manusia. Oleh yang demikian, dakwah hari ini hendaklah bijak menyalurkan kandungan dan mesejnya melalui media cetak, supaya ia tersebar di kalangan sasarannya yang ramai.

c. Media Elektronik

Media elektronik menurut Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat ialah alat atau saluran komunikasi yang berupa atau yang menggunakan alat-alat elektron moden seperti radio, televisyen dan lain-lain. Media masa kini yang termasuk ke dalam media elektronik ialah seperti televisyen, radio, video, komputer, kaset, telefon, faks dan yang terutamanya yang tergolong ke dalam teknologi maklumat dan multimedia.

Al-Shanqiti dalam Ab. Aziz Mohd Zin (2001), menyatakan bahawa media elektronik yang berbentuk dunia tanpa sempadan mempunyai pengaruh yang besar terhadap manusia dalam penyebaran maklumat. Sebagai contoh, televisyen dan radio digunakan untuk penyebaran maklumat masa kini dengan berbagai-bagai program dan kedua-duanya digunakan secara meluas. Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh televisyen dan radio di Malaysia dengan mengadakan program-program Islam. Oleh itu, bentuk media elektronik dakwah masa kini ialah menggunakan kemudahan dan pengaruh media tersebut untuk menyalurkan kandungan dakwah.

Seterusnya, menurut Ahmad Zahiruddin. & Faisal (2014), menyatakan bahawa perkembangan menggunakan media baharu atas talian bagi tujuan dakwah melahirkan dua konsep yang dibincangkan daripada konteks akademik. Pertama, penggunaan E-dakwah dalam usaha menyampaikan dakwah iaitu pendakwah menyampaikan

maklumat tentang Islam melalui penggunaan alat multimedia secara interaktif dengan menggunakan alat-alat telekomunikasi yang terus berkembang dan semakin canggih sehinggakan segalanya berada di hujung jari. Kedua, Tekno-Da'i iaitu istilah yang dipopularkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sekitar tahun 2003, menurut Felo Kanan Pusat Sains dan Teknologi, IKIM, Mohd Saifuddeen (2003), tekno-da'i adalah golongan pendakwah yang menggunakan teknologi untuk menjalankan kerja-kerja dakwah bagi menyeru manusia ke jalan Allah dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran.

Malahan, sejajar dengan kemajuan teknologi pada masa kini, setiap pengguna daripada segenap lapisan usia kini mempunyai akses dan dapat berkongsi maklumat di mana sahaja mereka berada iaitu tanpa sempadan masa dan tempat. Melalui penggunaan teknologi masa kini yang lebih canggih iaitu telefon pintar, komputer riba, dan lain-lain (Nadia Fauzi, 2017) segala maklumat, perkongsian dan perbualan kini hanya berada di hujung jari (Nurul Shakirah, M. Z. & Intan Shafinaz, M., 2019).

Internet World Stats (2022) melaporkan bahawa daripada 33 juta penduduk Malaysia, seramai 30 juta adalah pengguna internet telah dicatatkan pada Julai 2022 bersamaan dengan 93.8% populasi rakyat Malaysia yang menggunakan internet. Oleh itu, hampir keseluruhan daripada pengguna melayari internet untuk melakukan interaksi dan hubungan secara atas talian. Menurut Yahya Abdul Rahman (2018), salah satu punca peningkatan penggunaan media sosial adalah kerana terkesan daripada kawalan negara terhadap kebebasan media. Platform media sosial yang popular pada masa kini seperti Facebook, Twitter, YouTube, Whatsapp, Instagram dan lain-lain merupakan medium utama yang sering digunakan oleh masyarakat.


Salah satu cabaran yang dihadapi adalah masyarakat mudah terdedah dengan pelbagai bentuk berita atau maklumat palsu yang dibaca di media sosial. Sedikit sebanyak perkongsian berita atau maklumat tidak sahih itu boleh menjejaskan atau memudaratkan mana-mana pihak yang terlibat dengan penularan berita atau maklumat tersebut (Nadia Fauzi, 2017).

Oleh itu, penggunaan media elektronik melalui teknologi masa kini semakin meluas digunakan di Malaysia. Justeru, pendekatan dakwah melalui saluran dan media hendak diperkasa daripada sudut isi kandungan dakwah yang ingin disampaikan kepada sasaran dakwah. Hal ini supaya sasaran berjaya menerima mesej yang ingin disampaikan.


2.5 Konseptual Kajian

Konseptual kajian telah dibentuk sebagai dasar kajian ini sepertimana rajah

2.5.1 dan rajah 2.5.2:



Rajah 2.5.1: Kerangka Konseptual Amalan Penguobatan Islam



Rajah 2.5.2: Kerangka Konseptual Dakwah Kepada Orang Islam

2.6 Rumusan

Bab ini menyimpulkan bahawa terdapat jurang kajian yang boleh disumbangkan dalam bidang dakwah khususnya dari aspek analisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan yang dilakukan oleh pihak berautoriti terhadap pengamal pengubatan Islam di media sosial. Oleh itu, kajian ini dapat mengisi kelompangan kajian yang masih belum dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Seterusnya, bidang perubatan adalah amalan yang diiktiraf dan dibenarkan oleh Islam terhadap semua jenis perubatan sama ada perubatan konvensional, tradisional dan komplementari yang selari dengan prinsip dan syariat Islam. Manakala, konsep pengubatan Islam pula adalah menyeluruh dan merangkumi setiap aspek dalam Islam seperti akidah, syariah dan akhlak. Melalui ketiga-tiga aspek tersebut, Islam sangat mengambil berat setiap kaedah dan teknik dalam amalan perubatan sebagaimana konsep penyembuhan penyakit yang perlu dipegang oleh semua umat Islam terhadap pergantungan kesembuhan hanya diletakkan semata-mata kepada Allah SWT. Tiada yang dapat memberi kesembuhan sesuatu penyakit yang dialami melainkan dengan izin dan kuasa Allah SWT melalui jalan ikhtiar dan usaha mendapatkan rawatan daripada pelbagai jenis perubatan.

Seterusnya, Islam juga mengajarkan kaedah rawatan dengan menggunakan ayat al-Quran dan kaedah rawatan Nabi SAW iaitu *ruqyah syar'iyah*. Perubatan ini telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari iaitu amalan pengubatan Islam. Amalan pengubatan Islam di Malaysia, dipraktikkan oleh para pengamal perubatan sama ada yang telah berdaftar di bawah PTK ataupun tidak berdaftar. Tetapi malangnya, amalan

pengubatan Islam telah bercampur dengan kaedah perubatan yang menyalahi syariat yang dikenalpasti berpunca daripada pengaruh amalan perubatan agama lain seperti agama Hindu dan Buddha, pengaruh amalan perubatan yang diamalkan oleh nenek moyang pada zaman sebelum dan semasa kedatangan Islam di Asia Tenggara, pengaruh budaya perubatan masyarakat dan kaum dari sesuatu tempat dan pengaruh daripada latar belakang seseorang pengamal perubatan itu sendiri.

Sehubungan itu, hal ini menjadi salah satu punca berlakunya amalan menyalahi syariat Islam yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam. Sembilan jenis amalan penyelewengan pengubatan Islam telah dibincangkan. Demikian, isu penyelewengan amalan pengubatan Islam ini perlu ditangani disebabkan kesan yang membawa kepada kerosakan akidah umat Islam dan beberapa ancaman lain seperti nyawa, akal, maruah, keturunan dan lain-lain lagi.

Seterusnya, bab dua ini juga membincangkan konseptual kajian yang menjadi asas kepada perbincangan utama kajian iaitu analisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan amalan pengubatan Islam. Fokus isi kandungan dakwah adalah terhadap orang Islam iaitu melalui asas dakwah mencegah kemungkaran menurut al-Quran iaitu sebagai suatu tegahan dan sekatan. Selain itu, hal ini dilandaskan juga kepada prinsip dakwah iaitu memperkukuh dan memantapkan akidah Islam, melaksanakan tanggungjawab syariat Islam dan menghayati akhlak yang luhur. Seterusnya, konseptual kajian berkaitan rukun dakwah iaitu *da'i*, *mad'u*, *maudu'* dan *manhaj* melalui *uslūb hikmah*, nasihat yang baik (*mau'izah al-ḥasanah*) dan perdebatan yang baik (*mujadalah*) dan melalui *waṣīlah* iaitu penguatkuasaan undang-undang dan saluran dan media.